

## **Fitnah internet, SMS perbuatan khianat PM**

**Che det blog.cc**

**July 10, 2008**

**Posted by Dr. Mahathir Mohamad**

Kata Dato Seri Abdullah Ahmad Badawi; "*Tindakan menyebarkan fitnah dan pembohongan melalui internet dan SMS untuk mewujudkan persepsi negatif rakyat terhadap Kerajaan adalah perbuatan khianat,*" - Berita Harian 8 Julai, 2008.

Perdana Menteri mengaskan perbuatan itu jelas melanggar prinsip Rukunegara seperti;

- 1) Kesetiaan kepada Raja dan Negara
- 2) Keluhuran Perlembagaan
- 3) Kedaulatan Undang-undang
- 4) Kesopanan dan Kesusilaan

Dimanakah disebut "Kerajaan" dalam Rukunegara? Atau apakah pada pendapat Dato Seri Abdullah Kerajaan adalah sama dengan Raja dan Negara?

Memang dalam sebuah negara demokratik, mengkritik Kerajaan menjadi satu daripada tanggungjawab parti lawan dan Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO), bahkan rakyat biasa. Jika ini dianggap fitnah dan pengkhianatan, lebih baik lagi Kerajaan isytihar pemerintahan kuku besi.

Apakah kritikan dalam internet dan SMS (sistem pesanan mesej ringkas) semuanya pembohongan?

Bohongkah Kerajaan Dato Seri Abdullah berdolak-dalik kata sesuatu hari ini, batalkan hari esok?

Bohongkah Kerajaan rugi satu billion Ringgit apabila batalkan projek jambatan, apabila jual M.V. Agusta yang dibeli dengan harga 70 juta Euro (RM300 juta) dijual dengan harga satu Euro (RM4), kenaikan harga minyak dengan mendadak, kenaikan kos untuk bina landasan kembar berelektrik keretapi daripada RM14 bilion dari Johor Baru ke Padang Besar kepada RM12 billion hanya dari Ipoh ke Padang besar, kekalahan teruk Barisan Nasional dalam Pilihanraya Umum 2008 dan lain-lain.

Yang membohong ialah Kerajaan dengan membuat kenyataan segala-galanya baik dalam negara, semua rakyat sokong Kerajaan, parti UMNO sebulat suara hendak Dato Seri Abdullah kekal sebagai Presiden dan lain-lain.

Jika pembohongan adalah pengkhianatan, maka yang mengkhianati Negara dan Rakyat ialah Kerajaan dengan pemimpinnya.

Jika rakyat melalui saluran yang tidak dikuasai oleh Kerajaan meminta supaya Dato Seri Abdullah berhenti daripada memimpin Kerajaan, mereka bukan buat fitnah. Sebaliknya mereka setia dan sayang Raja dan Negara dan ingin lihat negara ini tidak dibelenggu oleh Kerajaan pimpinan orang yang tidak sedikit pun setia kepada negara, hanya setia kepada diri sendiri dan keluarga.

## 350 Comments

1. [\*ezystyle\*](#)

January 9, 2011 at 8:17 pm | [Permalink](#)

Thanks for great article.  
I 'd like introduce bulk SMS service.  
We provides Bulk SMS in Thailand with a lot of rich feature.  
Please visit our SMS web site at  
<http://www.smsmkt.com>

2. [\*nonetraceable\*](#)

August 30, 2008 at 5:32 pm | [Permalink](#)

kita terus dimanipulate oleh Pak Lah yang dahulunya 'bersih'...tapi skrg dia menunjukkan belang nya...

3. [\*kemiskinan\*](#)

August 2, 2008 at 2:14 pm | [Permalink](#)

assalamualaikum dan salam sejahtera,  
saya terpanggil untuk menyatakan sesuatu bagi semua pihak menilai semula apa perlu bagi semua faham sebelum sesagala sesuatu diperkata atau diperbincangkan. hal-hal perkara yang tidak senangi lahir daripada hilangnya kefahaman tentang erti sebenar apabila individu itu sudah mula lupa akan peranan beliau sendiri sebagai sebahagian daripada kelompok masyarakat. sebagai rakyat, andaikata individu tersebut kita panggil pemimpin, haruslah kita selami samada individu tersebut kenal atau tidak peranan beliau sendiri. cara mana kita kenali individu tersebut boleh kita perolehi daripada banyak sumber. saya dengan rasa rendah dirinya memberikan contoh gambaran niat individu itu berdasarkan kata-katanya.....

1) Rasullullah berkata "Ummatku, ummatku"

2) Dr Mahathir berkata "menangis demi bangsanya"

3) SI DIA berkata "jangan kerja untuk saya, kerjalah bersama saya"

dengan niat untuk tidak menyamakan mana-mana individu dengan tingginya martabat rasullullah yang kita sanjung kita ambil ini sebagai penilaian niat individu dan bukannya penilaian kesamaan martabat.

rasullullah berkata begitu kerana risau akan keadaan ummatnya waktu beliau sudah tiada lagi. (tiada pernah beliau risaukan dirinya sendiri, mulia sungguh rasullullah kerana pengorbanannya)

DR Mahathir menangis demi bangsanya kerana terdorong akan contoh pengorbanan rasullullah. (mulia sungguh DR M kerana menjunjung sunnah rasullullah)

SI DIA pula minta jangan kerja untuk dia, kerja bersama dia katanya. Apakah tujuan dia berkata begitu? apa beliau tidak tahu bahwa yang menyokong dia sedang bekerja, atau dia rasa itu ini begitu dan begini masih tidak cukup? belum puas lagi? kerja sajakah yang dapat dia fikirkan? kebajikannya dimana? naik gaji selepas kos sara hidup sudah begitu tinggi sudah cukup kebajikankah(belum lagi kita bincangkan berkenaan yang kerja disektor swasta)?(kita tinggalkan apa yang disoal untuk dia jawab, dan kalau dia benar-benar tahu apa erti menjadi pemimpin beliau tidak akan lantang minta orang lain berkorban bersamanya kerana jika dia sudah berkorban dia tidak perlu lagi merayu untuk yang lain berkerja kerana yang lain juga punya akal dan perasaan)

KETAHUILAH BAHWA SI PEMIMPIN ITU DILANTIK BUKAN UNTUK MENGGUNAKAN KUASA TETAPI UNTUK MEMIKUL TANGGUNGJAWAB JUGA ADANYA.  
BILA DATANG KUASA, TANGGUNGJAWAB TIDAK PERNAH TINGGAL TANPA BERSAMA.  
YANG KEJI DAN HINA ITU SAYA  
YANG BAIK DAN MULIA ITU DARI YANG KUASA.....

4. *Awang Kerambit*

July 20, 2008 at 11:22 pm | [Permalink](#)

Kat India & China, sapa nama Member of Parliament yang berbangsa Melayu yang datang dari Tanah Melayu?

5. *FIRMAN*

July 20, 2008 at 5:19 am | [Permalink](#)

Assalamualaikum... Tun.. saya merasakan bahawa kerajaan pada masa ini di bawah pemerintah yang sangat mementingkan diri sendiri dan kroni.. pemimpin yang saya maksudkan adalah Dato' Sri Abdullah Ahmad Badawi.. ini adalah berdasarkan 'Track Record' nya sebagai seorang Perdana Menteri yang memerintah sehingga hampir 7 tahun tetapi tiada apa – apa perubahan yang di lakukan bagi memajukan negara dan mengubah sosio ekonomi negara bagi menjadikan Negara Malaysia yang kita cintai ini aman , makmur , dan sentosa seperti mana semasa di bawah era pemerintahan Tun yang amat bijaksana.. Selama 22 tahun Tun menerajui Malaysia sebagai Perdana Menteri, rakyat dapat melihat dengan sejelas – jelasnya kemajuan yang di capai bahkan pemimpin dari negara luar yang jauh lebih maju pun mengakui akan kebijaksanaan Tun dalam memajukan negara ini.. tetapi apabila sahaja Tun menyerahkan amanah rakyat kepada Pak Lah yang selama ini menunjukkan sikap yang terhormat sehingga mendapat kepercayaan rakyat dan Tun sendiri bagi menerajui Malaysia sebagai pemimpin nombor satu, nagara ini dan juga rakyat telah sengsara sejak dari tahun pertama pemerintahan Pak Lah...bahkan pelabur dari negara luar sudah berasa takut dan hilang kepercayaan bagi membuat perlaburan di dalam negara kita

ini...7 tahun..pemerintahan Pak Lah..berbagi kemajuan di canangkan oleh Pak Lah dan konco – konconya tetapi apa yang di lihat oleh rakyat adalah kemajuan dari segi poket Pak Lah dan Konco – konconya sahaja sedangkan rakyat hampir setiap hari mengeluh kerana mengalami keperitan hidup kerana ‘ kepandaian ‘ Pak Lah merencana pembangunan yang dilihat sebagai tindakan Bodoh bagi seorang yang bergelar Pemimpin..apa yang dapat di capai oleh Pak Lah selama beliau memerintah hanyalah rungutan suara kesusahan rakyat..harga barang naik hampir 70 peratus dalam masa 7 tahun seiring dengan kenaikan harga minyak yang dilihat sebagai tidak munasabah dan membebankan..kenaikkan harga minyak bukan sahaja membebankan rakyat bahkan kerajaan juga turut mengalami kerugian walaupun subsidi telah berkurangan dan kononnya dapat penjimatan sebanyak RM 5 bilion kepada kerajaan tetapi dari segi zahirnya malaysi telah mengalami inflasi yang semakin parah ini kerana rakyat sudah takut berbelanja...dari segi perlancongan pula rakyat sudah tidak mampu untuk bercuti bersama keluarga kerana wang sudah tidak bernilai dan kos yang semakin tinggi.. mungkin kerajaan memikirkan dengan melakun penstrukturan semula subsidi minyak dapat mengelakkan warga asing dari menikmati subsidi kerajaan tetapi pernahkan kerajaan terfikir bahawa rakyat asing yang menetap di Malaysia hampir 3 juta orang juga menyumbang kepada ekonomi kita dimana mereka menetap di Malaysia dan juga membelanjakan wang mereka di sini akan tetapi setelah kenaikan harga minyak yang mendadak... warga asing juga telah takut untuk berbelanja. Dari segi jenayah pula jika di teliti indeks jenayah khasnya jenayah rompak dan samun semakin menjadi – jadi ini bukanlah kerana kelemahan Pihak berkuasa ( Polis ) tetapi kerana kesusahan hidup yang di tanggung selepas kenaikan harga minyak dan seterusnya harga barang...jika sebelum naiknya harga minyak seorang yang berpendapatan RM 1500 masih boleh hidup selesa dan boleh menanggung keluarga tetapi sekarang mereka yang berpendapatan RM 3000 pun telah merasa kepayahan apatah lagi mereka yang berpendapatan di bawah RM 1500....apapun saya mengucapkan Jutaan Terima Kasih Kepada Pak Lah dan Tahniah kerana telah berjaya menyusahkan dan membebankan Rakyat Malaysia.

6. *drnordin999*

July 19, 2008 at 11:51 pm | [Permalink](#)

Sokongan yang disebut oleh Perhubungan UMNO Negeri keatas Pak Lah untuk Presiden dan Najib untuk Timbalan Presiden tidak membawa apa-apa makna pun malahan ia akan menjadi sokong yang membawa rebah apabila PakLah lali dengan buaian pencalonan itu.

Pencalonan yang sebenar datang dari akar umbi dimana cawangan adalah penentu dan bukannya Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri pun. Ahli Cawangan berkuasa menentukan perwakilan mereka ke Bahagian dan perwakilan cawangan ini juga akan menentukan siapa akan mewakili Bahagian dan siapa untuk dicalonkan. Bukan Ketua Bahagian pun mempunyai kuasa. Mungkin Ketua Bahagian sedia apa pun akan makan asap saja kerana bakal kecundang apabila

silap perhitungan tentang kuasa sebenar ahli cawangan.

Kenapa harus ahli cawangan mempercayai bahawa kalau ada pertandingan dua jawatan tertinggi, UMNO akan berpecah? Kalau takut berpecah kenapa dua jawatan itu sahaja. Lebih baik semua jawatan tidak dipertandingkan. Hanya isi jawatan bila ada kematian sahaja.

Yang menyokong supaya dua jawatan tertinggi tidak dipertandingkan hanyalah mereka yang memegang jawatan sahaja. Tapi akar umbi mahukan demokrasi tulen dan bukannya demokrasi yang sentiasa memimpin. Pertandingan adalah sihat. Yang tak sihat adalah pengampu-pengampu yang terus menerus mengaut kemewahan. Rakyat akar umbi hanya menelan air liur sahaja. Ketua Bahagian dan AJK Bahagian hidup mewah kerana di bela dengan wang ringgit dan kemewahan. Ahli akar umbi hanya sekadar dapat makan nasi gulai kawah. Biarlah kali ini kita melihat satu kejutan dimana perwakilan bahagian terdiri dari ahli cawangan yang tidak pernah dikenali sebelum ini. Perwakilan Bahagian yang lama kita rehatkan kerana merekapun telah letih berkhidmat. Biarlah morang lama rehat. Ahli cawangan lain pun nak merasa bagaimana nikmatnya mengundi dalam pemilihan UMNO. Mereka juga nak merasa tinggal dihotel mewah di KL dan dijamu tanpa had oleh calon. Mereka juga nak merasa hebatnya mereka bila YAB dan YB berlumba mencari mereka kerana selama ini mereka begitu susah nak cari YAB dan YB. Susah buat temu janji, susah nak menembusi inner circle Pak Lah dan Najib dan YAB dan YB lain. Biarlah mereka kali ini sekali seumur hidup sebelum menutup mata menjadi YAB iaitu Yang Amat Berharga. Mereka tahu selepas perhimpunan nanti, jangan harap dapat jumpa YAB dan YB ini lagi. Jadi bagilah peluang ahli cawangan lain menjadi perwakilan. Orang lama dah puas pun bersama mengekori irama dangdut YAB dan YB. Dah puas makan jasa. Kalau nak kira cukup, sampai bila pun tak cukup. Di negara kita, ada dua peristiwa yang membuatkan seseorang itu kaya raya untuk jangka panjang tanpa perlu kerja kuat iaitu Pilihanraya Umum dan Pemilihan UMNO. Habuan pilihanraya dan pemilihan UMNO cukup lumayan apatah lagi habuan yang sepatutnya sampai kepada rakyat tapi diberikan potongan khas atas perkhidmatan mereka. Yang sampai pada rakyat hanyalah tulang kerana isi sudah dilapah mereka untuk tempoh 3-5 tahun. HIDUP UMNO. HIDUPKAH PAK LAH?

#### 7. *drnordin999*

July 19, 2008 at 7:11 pm | [Permalink](#)

saya tak hairan kalau najib akan kena tipu juga oleh pak lah. Saya tak hairan kalau pak lah sering ubah keputusan dan ubah fikiran. Orang lulusan agama atau orang yang menggunakan agama memang begitu. Kalau terdesak mereka kata itu dibenarkan oleh agama iaitu HELAH atau IKHTIAR untuk menawan musuh. Sebab itu dalam kabinet pak lah kali ini orang lulusan agama tak ada pun. Calon lulusan agama pun tewas dengan calon biasa. Zahid Hamidi bukan lulusan agama untuk jaga hal ehwal agama. Hanya sekadar pernah sekolah arab. Pak Lah sendiripun walaupun lulusan agama, dia sendiri tak percaya pada lulusan agama dalam UMNO. Ulamak dalam UMNO dan mufti UMNO bertelagah sesama

sendiri dalam halus kerana masing-masing nak tonjolkan kelebihan kepada Pak Lah bahawa pandangan agama merekalah yang benar. Mungkin dia berfikir lulusan agama adalah kaki temberang tanpa fakta. Hanya bercakap tak buat kerja. Macam dia juga la. Pak Lah lebih banyak cipta menu tapi kita belum lihat hidangan lagi. Kami rakyat nak rasa hidangan. Menu banyak tak guna kalau sekadar atas kertas sahaja. Kalau tak percaya cuba berhujah cakap dengan orang lulusan agama samada dalam UMNO atau PAS, mereka ada saja jawapan. Setidaknya mereka akan sebut sebahagian petikan ayat quran yang menyokong hujah mereka. Manakala ayat yang kita hujahkan mereka kata tak betul (walaupun itupun dari Quran juga). Mereka tetap betul walaupun sedang tidur. (kata P Ramlee, tidur dalam iman). Wassalam

8. *konquero*

July 19, 2008 at 11:57 am | [Permalink](#)

Salam Tun,  
Boleh tak Tun komen sikit pasal Geng2 KJ yang dok jual aset GLC semata-mata nak tunjuk company tu profitable (e.g. TM, TNB, MAS)?  
terima kasih and teruskan perjuangan Tun.

9. *mart garbera*

July 17, 2008 at 11:00 pm | [Permalink](#)

Assalamualaikum Tun,  
Masalah dunia tidak akan selesai walau siapa jua memerintah kerana yang sedang berkuasa sebenarnya tidak ada apa-apa kuasa. Allah Yang Maha Kuasa!  
Semasa Tun memerintah, masalah pun banyak, hari-hari macam-macam perkara yang berlaku tak kurang juga rasuah dan korupsi. Saya ada pandangan yang sangat-sangat berbeza dari semua yang memberi posting di Che Det ini. Saya tidak harap orang akan faham maksud saya kerana perkara ini perkara roh dan nur dan ia sangat-sangat bergantung kepada iman yaqin seseorang itu. Harap dapat didengar dan diambil iktibar.  
Kenapa orang-orang Islam Malaysia dan di serata dunia tidak boleh bersatu? Mereka semua ucap Laa ilah hailallah Muhammad darasulullah tetapi mereka belum faham tuntutan kalimah yang mereka sebut. Mereka tidak tahu maksud dan nilai kalimah Laa ilah hailallah Muhammad darasulullah.  
Laa ilah hailallah – Mereka belum nafikan ilah-ilah (pemelihara) selain dari Allah yang ada dalam hati mereka iaitu kuasa, takhta dan harta. Mereka yaqin kuasa, takhta dan harta sebagai pemelihara mereka, bukan Allah. Sebab itu mereka bermati-matian inginkan kuasa, takhta dan harta sehinggakan mereka tidak peduli jika perbuatan mereka menarik kemarahan, kemurkaan dan azab dari Allah, pemelihara mereka yang sebenar.  
Muhammad darasulullah – Mereka belum nafikan cara kehidupan Yahudi, Nasarah dan Majusi iaitu cara kehidupan yang selain dari cara kehidupan yang di

bawa dan diajar oleh Nabi s.a.w dari kehidupan mereka. Mereka belum kenal, apatah lagi nak amal, Sunnah-sunnah Nabi mereka yang merangkumi surah ( penampilan), sirrah ( cara hidup) hidup) dan sarirah ( fikir/keinginan) Nabi mereka.

Apa tanda Mukmin? Banyak tanda-tandanya. Antaranya, orang Mukmin taat Allah dan taat Rasul sepertimana dalam surah Al Anfal 1-4. Orang-orang Islam Malaysia mungkin baru Muslim, ramai yang belum Mukmin dan mungkin juga banyak yang Munafiq jika ikut kayu ukuran Allah dan RasulNya. Orang-orang Islam Malaysia tidak tahu kayu ukuran atau “yardstick” keagamaan mereka. Masing-masing rasa mereka Islam dan lebih baik dari orang lain. Bolehkah kita yaqin dengan keislaman kita jika asas agama, kalimah syahadah kita masih goncang?

Inilah masalah utama Malaysia iaitu orang-orang yang sepatutnya menjadi pengajak kepada kebaikan dan pencegah mungkar (orang-orang Islam), iaitu wakil-wakil Allah, pengikut-pengikut Nabi s.a.w dan pemilik kitab segala kitab iaitu Al Quran sedang rosak iman, rosak ibadat, rosak muamallat, rosak muasyarat dan rosak akhlak.

Mereka taat Allah tetapi belum taat Rasul. Mereka taat Syaithan dan Nafsu, dua musuh yang semua orang Muslim Malaysia tidak tahu bagaimana nak atasi. Sebenarnya ada caranya untuk atasi Syaithan dan Nafsu ini! Masalah ummat Islam Malaysia dapat diselesaikan tanpa perlukan apa-apa parti malah tak perlukan walau satu sen,! Ada caranya....

Mart Garbera

#### 10. *gegakgempita*

July 17, 2008 at 3:07 pm | [Permalink](#)

Ucapan Selamat Sejahtera ke atas mu Tun,  
Puas baca komen2 dari rakan2, cuma saya terdetik di dalam hati apakah Pak Lah tidak membaca komen2 kami ini? perlukah komen2 ini dijadi kan buku dan dijual dipasaran?

#### 11. *Baginda*

July 17, 2008 at 1:47 pm | [Permalink](#)

Dear Tun,

Why should we be afraid of the internet? The government should understand that the internet is here to stay as the latest means of communication!

Accept the reality that we are operating in a world that is changing at a very fast pace!

So, embrace the change and try to understand the rakyat's point of view and concerns. Why should we be threatened all the time?

We casted our vote in a decromatic manner and now we are not allowed to give a point of view?? Come on....it is 2008 and we can't apply the 1966 mindset with

today's smart and vocal citizens.

Thank you Tun for the opportunity to vent my view. Stay healthy and safe always!

12. *annesse*

July 17, 2008 at 9:12 am | [Permalink](#)

Salam Dear Tun.

i watched the Debat minyak between Anwar and the minister.i was dumbfounded by the minister's emotional reply..he seemed so keen on attacking the former TPM's personally.which was far from wise.

i can only say that, it must be the trend for the new government to appoint people who know nothing.Who are these people actually?No leadership quality at all. if that is the sample of the new line up..then for sure Tun..Come next year,when the Pm resign..we will lost everything

13. *Pak Su*

July 16, 2008 at 6:29 pm | [Permalink](#)

Askum Tun yg dikasihi..

semoga sejahtera sokmo..

Saya ingin mengucapkan selamat menyambut ulang tahun, semoga Tun drahmati Allah SWT sentiasa..

insyaallah..

Berjuanglah Tun hingga ke akhir hayatmu..

14. *female1980*

July 16, 2008 at 3:20 pm | [Permalink](#)

Assalamualaikum Tun,

Happy Belated Birthday and May Allah Bless You and Family.

Reading all of the above comments aren't much different my opinion about Malaysia scenarios at present.

Yes, "WE" should do something about it and we're doing it rite now. We have opened our eyes and minds to all opinion from all perspectives. And be able to think critically towards the messages sent by Government as well as Non-Government Parties.

I'm a normal citizen running my own business and I can feel the impact of the rising oil price very much. I feel hurt and mad of the things I've learned on the management of the country's "khazanah".

I can't think of anybody that is capable to be our next PM. If we're looking at Ministers, its either they are under investigation, or they are clean but too timid. And if they're loud, they probably talk nonsense. Datuk Anwar, well you hv

something againsts him, and I trust ur judgement since only few of you who knows the real information.

In my opinion, Parlimen should have three groups, the "Government", the Non-Government Parties and the Corporate Group that consists of business men and women and some related NGOs that has got nothing entirely or get any benefit on the Parlimen agendas. I know its weird suggestion and there's no such thing everything is free but at least we have real representative that really talk about the "REAL" thing.

It really hurt and scary when Datuk Shelbery didn't even give any technical answers to the questions brought up. And he represents our Government. Come on, Adi Putra(if I'm not mistaken) the Genius Maths kid could help him do the calculation even help the Government as well. Why can't EPU or Tan Sri Nor Yaakob, our dear Finance Minister come down to reach Malaysians. I'm sure the ratings yesterday was very very high. Akademi Fantasia announce their ratings why not the real issues!

15. *Anfarri*

July 16, 2008 at 1:26 pm | [Permalink](#)

Salam,

Ye lah tun, DSAAB sentiasa pandang diri die betul. Dan dia nak bg rakyat nampak sume tindakan dia baik2 je, even sebaliknya.

16. *sazwan*

July 15, 2008 at 10:58 pm | [Permalink](#)

saya adalah penyokong pembakang ,tapi saya juga adalah penyokong tun M, saya SOKONG 100% kenyataan tun di atas,moga tun panjang umur

17. *Bongek*

July 15, 2008 at 3:55 pm | [Permalink](#)

Salam utk semua. Sesungguhnya apa yang Tun huraikan memang benar. Hanya manusia yang berotak sahaja boleh berfikir jauh serta memberikan buah fikiran yang bernas seperti Tun. Yang tak berotak tu ??? "Lu pikir le sendiri "Pak Bodoh Lah" .... Tapi saya beri bayangan kepada AAB sebab otak dia nie lembap sikitkan. Kalau berotak kita berikan kepada "manusia" .. kalau tak berotak kita berikan pada ????... Pelik tapi benar. Inilah pemimpin negara yang dah terang-terang ditolak rakyat tapi masih tak ada perasaan malu dan kononya masih ada plan untuk mengurangkan bebanan rakyat. Takut nanti plan tu pun flip flop gak. Kita tunggu Jumaat nie apa plan yang nak diutarakan sangat tu sampai berahsia hingga ke hari nie. Tapi walau apa pun plan dari "Pak Bodoh Lah" nie, sedikit

sebanyak (selalunya lebih banyak) mesti tempias masuk ke dalam kocek ahli keluarganya serta segala suku sakat dan yang sewaktu dengannya.

18. *tombak*

July 15, 2008 at 10:08 am | [Permalink](#)

Hmmm.. lebih kurg jak tun dulu tau.. tapi tun hebat lagi laa... hebat dlam erti kata "walaupun amat pntingkan diri dan kroni.. tapi hak-hak rakyat dan negara dijaga rapi.. "

tapi pak lah len.. dua2 hancus.. kroni... rasuah.. hak rakyat yg terabai.. dan sebagainya..

klah.. apapun... pnjlasan Tun mmg sy stuju sgt2.. 😊

19. *rayhan*

July 15, 2008 at 1:02 am | [Permalink](#)

asslm Tun yg di cintai,

saya sangat teruja apabila terjumpa Tun di THE MALL pada tanggal 9haribulan atau 10haribulan Jun 2008. Saya bersama keluarga berada disitu ketika itu. sempat saya memanggil anak sulong saya untuk memperkenalkan siapa Tun SEBENARNYA. Tentang Tun sebagai PM Malaysia yang memegang jawatan paling lama. Pengorbanan Tun kepada negara, rakyat, bangsa agama dan terutama sekali bangsa Melayu.

cuma satu saja pertanyaan anak sulong saya kpd saya yg saya berasa sedih terhadap Tun. soalannya adalah mengapa kalau pengorbanan Tun begitu ketara sekali apa pasal ada segilintir rakyat Malaysia masih benci dan berani memaki hamun Tun terutama bangsa Melayu kita sendiri? mungkin Tun dah tahu jawapannya dari awal lagi. MELAYU MUDAH LUPA. terkilan dan sedih saya melihat Tun berjalan seorang diri walaupun di iringi bodyguard dan anak dan cucu Tun. tak ada yg memberi satu penghormatan dan pujian. cuma pandangan dan bisikkan saja. adakah ini seorang pahlawan yg disegani di seluruh dunia pada ketika itu hanya tinggal nama saja? jasa dan budi tidak dikenang? pengorbanan dilupai? fikirlah rakyat Malaysia seorang yg berkualiti dan berkaliber jgn disia siakan walaupun sudah bersara dari politik kerana pandangan jauh dan komennya amat berharga. ini kerana tugas Tun belum habis lagi.

sekian wassalam.

20. *kieyra*

July 14, 2008 at 8:12 pm | [Permalink](#)

Sebagai seorang pelajar Ipt...Kebebasan Bersuara itu penting...x kisahla negatif or positif..tp rasional yang dibangkitkan oleh sesetengah pihak terhadap sesuatu

maklumat itu...Kalau sesuatu itu dianggap fitnah..kenapa ia dibangkitkan??bak kata pepatah..kalau tiada angin..bagaimana pohon boleh bergoyang??Rakyat mahukan situasi yang sebenar..di mana kerajaan tidak menutup sebarang kelemahan yang ada...ini untuk memastikan rakyat sentiasa berjaga dengan keadaan semasa yang tidak menentu sekarang...

Kepada Tun, saya sangat-sangat berterima kasih di atas kepimpinan Tun yang sangat berkaliber.....

Form..

Kieyra..Melaka

#### 21. *funny\_boyz*

July 13, 2008 at 7:15 pm | [Permalink](#)

Assalammualaikum... TUN..

memang benar apa yg Tun huraikan....

pak lah pengkianat.. sekarang bukan kerajaan malaysia..

tapi kerajaan keluarga pak lah...

adakah pak lah taat kepada rukun negara??

i thing pak lah hanya taat kepada "KERAJAAN PAK LAH"

kairi jamaludin sekarang PM Malaysia... hehehheeh..

from Anak Kedah

Langkawi geopark..

JASA MU TETAP KAMI KENANG!!!

#### 22. *Non-Bumi*

July 13, 2008 at 11:04 am | [Permalink](#)

sebenarnya pak lah tu jeles sebab dia tak da blog sendiri...mebi dia tu tak pandai guna internet kot... lagipun sekarang kenapa ye cuba anda perhatikan masa dia umumkan dia nak kasi jawatan kat najib. sebab juga bunyi dia nak cakap tu..serupa macam Tun dulu...nak ikut jejak langkah Tun tu...mahu orang stop dia nak kasi jawatan kat najib... tapi itu 2010..bukannya sekarang... dan semenjak dua menjak dia umumkan cerita dongeng dia tu, banyaklah orang yang mengampu..termasuk CM kami di Swk...takut tak dapat jadi TYT kot. ler..setakat umumkan nak kasi jawatan kat najib pun nak cakap dia tu great leader la berjiwa murni laa.lerr.gelik...

#### 23. *HasJebat*

July 13, 2008 at 10:48 am | [Permalink](#)

Tun yang amat dihormati dan disayangi,

Ramai yang tak jelas termasuk saya tentang isu penjualan M.V.Agusta dengan harga Satu Euro (RM4). Kalau tak menjadi keberatan diminta Tun ceritakan lebih

lanjut lagi. Saya berasa naif kerana kerana tak tahu. Semoga Insan yang Mulia ini dilindungi Allah dari segala usaha jahat “Imam Besar” Islam hakdiri dan sekutunya.

24. *outrider*

July 12, 2008 at 11:46 pm | [Permalink](#)

Tun,  
macam mana kat Malaysia ni pejuang pejuang nya semua nya jadi kaya belaka. Yang dah pencen dari berjuang pun lagi bertambah tambah lah kaya. Setahu saya takrif berjuang mahukan pengorbanan dari semua sudut–masa, harta, apa saja yg diperlukan dan yg di sayangi demi mencapai tujuan murni tu. kat Malaysia ni lain pulak jadi nya. Kalau macam tu saya nak bagi tau Dewan Bahasa supaya perbetuikan takrif berjuang di dlm Kamus Dewan. Kalau tak anak anak kita kat sekolah tu nanti jadi keliru, habih semua gagal periksa dan dapat CGPA 0.92 ...

25. *limyingpio*

July 12, 2008 at 9:27 pm | [Permalink](#)

Why DR M selalu nak pak lah step down?  
Adakah crony Dr M tak dapat projects selepas Pak Lah menjadi PM?  
Di luar jangkaan Dr M, oleh itu DR M melompat dengan marah dan hendak Pak Lah step down?  
Ini politik orang tinggi, kita rakyat biasa makan gaji saja, risau harga petrol naik lagi.  
Yang kita mau ialah A Very Good PM to take care of the welfare of the people, now, who can be good PM? Who can be Great Leader?  
Who is our Saviour?

26. *rams609*

July 12, 2008 at 4:28 pm | [Permalink](#)

Salam Tun,  
Semakin jelaslah Tun dan mulai sekarang kita dah boleh panggil Abdullah Badawi itu dengan nama baru :  
DULI YANG MAHA MULIA AL SULTHAN HADHARI ABDULLAH  
BODOWI  
RAJA BESAR MALAYSIA.  
Dah dikasi peluang jadi PM tak tau nak buat kerja.  
Sekarang nak jadi raja pulak.  
Dia ingat UMNO, kerajaan,rakyat dan negara itu dia yang punya.  
Kat mana hotaknya agaknya?  
Nak meluat aku!!!

27. *lordmusan*

July 12, 2008 at 12:32 pm | [Permalink](#)

Pak Lah sendiri penuh dengan khianat, dengki dan agenda merosak bangsa dan negara..saya termuntah setiap kali saya lihat Pak Lah buat pengumuman atau berucap!patutlah ramai kakitangan kerajaan yang seolah-olah 'brain dead' sekarang ni!Tengok ajelah bila Pak Lah berucap tiap bulan pada kakitangan kerajaan..kalu kucing lalu pun muntah bulu!

lord musan

<http://lordmusan.blogspot.com/>

28. *hazelyi*

July 12, 2008 at 10:55 am | [Permalink](#)

I have been a fan of Tun since young... Although I am just a secondary school girl and I may not be mature enough to comment on political events happening in my beloved country but I would like to express my concern towards the progress inside and outside Malaysia... My heart really aches when I found out that Malaysia that was once a respectable country under your ruling is now in such dire states... facing inner political problems, no longer has a stable political climate as before and theres no more peace and harmony that is very crucial to a multi-racial cuntry like ours... PLEASE SAVE MALAYSIA!!!

29. *anak-biduanda*

July 12, 2008 at 9:18 am | [Permalink](#)

salam Tun,

Berita yang dtulis di dada akhbar baru-baru ini berkenaan dengan permintaan KJ supaya DYMM YDP Agong mempertahankan hak melayu mememang menjejutkan diri saya, dan rasanya kebanyakan melayu yang lain.

Kemanakah perginya kredabiliti, ketuanan melayu yang selama ini kita pegang dan sanjungi dan didokong oleh parti melayu / UMNO? adakah zaman paklah ini melayu dan segala pemimpin-pemimpin me;yu yang di ketuai oleh YAB DSAAB telah menjadi lemah dan bacul? semua ini bermain didalam kotak fikiran.

Apaakah motif KJ berbuat demikian? ini pada pendapat saya tidak perlu..kerana kerajaan masih ditakbir oleh UMNO, diketuai oleh UMNO dan sebilangan besarnya ahli UMNO yang beragama Islam dan beketurunan MELAYU... Jika ketika ini kita di pimpin oleh DAP atau pendatang-pendatang asing seperti cina, india dan lain-lain, memang wajar KJ menyuarakan permintaan tersebut.

Ketua Pengarah JPA adalah oarng melayu,bukan pendatnag asing seperti cina dan india, mengapa kita mesti takut akan kehilangan HAK. ATAU kerana ini adalah SANDIWARA KJ, BAPA MERTUANYA dan SEKUTU-SEKUTU yang lain. Mereka yang membuat keputusan memberikan HAK Orang MELAYU kepada

Bangsa Pendatang ASING (CINA/INDIA dan LAIN-LAIN) kemudian membuat drama tragis ini?

Ini tidak dapat diterima oleh akal fikiran yang waras. Adakah KJ anggap MELYU yang lain BODOH dan DUNGU hanya kerana tidak pernah belajar di UNIVERSITI LUAR NEGARA atau KJ mengandaika MELYU yang lain terima dan telan bulat-bulat segala idea2 dan rancangan2 beliau?

Marilah Kita sama-sama renungkan...Sipakah yang membuka Kuota MRSM kepada bukan Melayu, UITM, dan banyak lagi. TIDAK Lain dan tidak bukan YAB DSAAB, pemimpin Kaum Melayu yang kita sanjungi dan kasihi dan payung tempat kita Kaum melayu menumpang Tedunh dan kita mengharapkan Beliau menjaga Hak Orang Melayu dengan sebaik Mungkin seperti yang telah diamanahkan...AKAN TETAPI "HARAPKAN PAGAR PAGAR MAKAN PADI" juga umpama "GUNTING DALAM LIPATAN" dan "API DALAM SEKAM". atas nasihat anak menantu yang selama ini kita ketahui YAB DSAAB telah membuat banyak perancangan yang salah, menghiris hati orang melayu yang lain. sedikit demi sedikit hak-hak orang melayu dijual bagi meraih simpati / membeli UNDI dari KAUM PENDATANG ini.

Dimanakah sikap kemelayuan YAB DSAAB? adakah terhakis hanya sebab ingin membeli dan memancing UNDI? Adakah beliau sanggup menjual TANAH MELAYU ini? Jika tatkala ini pendekatan yang beliau ambil menjurus kearah itu, tidak mustahil, Hak-hak melayu akan terhakis sama sekali pada masa YAB DS NTR mengambil alih.

kemanakah arah tujuan melayu ketika itu? adakah kita akan menjadi melyu singapura? atau Negara ini hanya tinggal nama "TANAH MELAYU" tapi padamasa yang sama MELAYU menadi pengememis ditanah air sendiri? kepada YAB DS AAB saya MERAYU dan Berharap, JANGANLAH membuat sesuatu yang dapat menghiris dan menghakis BANGSA SENDIRI. Saya percaya semuanya ini bukan datang dari YAB DSAAB, saya masih percaya YAB DSAAB tidak seburuk seperti yang disangka, TAPI Penyebabnya ialah PENASIHAT tidak RASMI kepada Beliau. (Faham-faham sendiri dah le...) Jangan kerana Anak menantu kita menggadaikan kesucian diri kita dan membiarkan lumpur tercalit di badan kita. JANGAN kerana anak menantu, kita kan mengotori sejarah kepimpinan diri kita yang selama ini dibina dengan susah payah, Pahit-maung warna-warni dunia politik. BERFIKIRLAH Secara LOGIK, BERKARISMA, BERANI dan TEGAS. INGATLAH AMANAH YANG DIBERI, HINDARKAN DIRI Dari permasalahan peribadi yang mengundang seribu kecaman dari KAUM SENDIRI. BILA MASA KITA BERTENGGAR, BERTIKAM LIDAH, DAN BERPECAH BELAH KAUM PENDATANG ASING SEPERTI CINA, INDIA DAN LAIN-LAIN BERTEPUK TANGAN, DAN BERGUMBIRA MERAIKANNYA.... BANGKITLAH DARI TIDUR YANG LENA, PERBETULKANLAH SEGALA KEPINCANGAN YANG ADA, AGAR NASIB MELAYU DAN TANAH AIRNYA BERTUAH "TANAH MELAYU" GAGAH DIPERSADA DUNIA...

Pelajarilah sejarah "ORANG KAYA TANAH DARAT YANG MEMUTUS TALI KE JOHOR"

Tak kira siapa, yang salah tetap salah, yang benar tetap benar. Lembu kita pegang

pada talinya, Manusia Kita pegang pada JANJInya  
“TAKKAN MELAYU HILANG DIDUNIA”

Anak kecil main api  
Terbakar hatinya yang sepi,  
Air mata darah bercampur keringat  
Bumi milik dipijak orang  
Nenek moyang kaya raya  
Tergadai seluruh harta benda  
Akibat sengketa sesamalah kita  
Cinta lenyap di arus zaman  
Indahnya bumi kita ini  
Warisan berkurun lamanya  
Hasil mengalir ke tangan yang lain  
Peribumi merintah sendiri  
Masa depan sungguh kelam  
Kan lenyap peristiwa semalam  
Tertutup hati terkunci mati  
Maruah peribadi dah hilang  
Kini kita cuma tinggal kuasa  
Yang akan menentukan bangsa  
Bersatulah hati bersama berbakti  
Pulih kembali harga diri  
Kita sudah tiada masa  
Majulah dengan maha perkasa  
Janganlah terlalai teruskan usaha  
Melayukan gagah di Nusantara 3x

30. *TimoYap*

July 12, 2008 at 9:14 am | [Permalink](#)

Tun, a very happy birthday and may health always be with you.  
Sad to know the truth and more sadness to realise that nothing is to be change soon.  
Tun, what can be done to prevent our country from doomsday?

31. [Muzri -Team Kamrie](#)

July 12, 2008 at 2:54 am | [Permalink](#)

KITE RAKYA2 SEMUA HENDAKLAH BANGKIT  
MENENTANG...JANGAN DIBIARKAN NEGARA KITE HANCUR2 OLEH2  
TANGAN2 JAHAT YG HANAY MEMENTINGKAN MENANTU DAN  
ANAK DAN KRININYE SAHAJA...  
AYUHHH...KITE TENTANG!!!!!!TENTANG!!!!  
Regards,

MUZRI

<http://bussiness-opportunity-store-online.blogspot.com/>



32. *chekgunab*

July 11, 2008 at 11:40 pm | [Permalink](#)

Assalamualaikum Tun yg saya sayangi dah hormati.

Seingat saya Pak Lah ni dari tk berpotfolio Tun lantik dia jadi Menteri Luar. Pada masa itu org yg paling sibuk ialah Allahyarham bapa saudara saya (penyokong setia paklah) Dibuatnya rancangan supaya paklah dibawa berarak ke kampung saya, maka ada lah segala kenduri diadakan di mesjid kampung saya...perkara yg paling tidak dpt saya lupakan ialah Allahyarham memarahi saya kerana buat tidak tahu saja dengan kekecohan org kampung semua. Saya kata 'Biaq pi la dia nk jadi menteri pun..esok esok dia lupa jugak kt kita smua ni..yg kita dok pi sanjong sgt dia ni buat apa. Saya berkata begitu sbb Allahyarham ayah saya adalah kawan karib bapa paklah..ada la cerita2 yg dia bagitau saya..tp saya masa tu masih mentah..apabila dikatakan kawan karib bermakna mmg rapat hingga segala kebaikan dan keburukan bukan lagi rahsia diantara mereka. Mmg tidak dinafikan paklah masa tu mmg boleh dihormati..tetapi setelah bermenantu segala dan dia pun sudah dipuncak pemerintahan, segalanya tinggal lakonan semata...kata org dari sombong timbul 'ujub kemudian bongkak dan seterusnya sedikit demi sedikit lupa asal usul.

Semoga panjang umur Tun dan keluarga...supaya malaysia kembali ketangan melayu...

Org putih kata...'Looking forward to see u as the PM again'



33. *chekgunab*

July 11, 2008 at 11:37 pm | [Permalink](#)

Assalamualaikum Tun yg saya sayangi dah hormati.

Seingat saya Pak Lah ni dari tk berpotfolio Tun lantik dia jadi Menteri Luar. Pada masa itu org yg paling sibuk ialah Allahyarham bapa saudara saya (penyokong setia paklah) Dibuatnya rancangan supaya paklah dibawa berarak ke kampung saya, maka ada lah segala kenduri diadakan di mesjid kampung saya...perkara yg paling tidak dpt saya lupakan ialah Allahyarham memarahi saya kerana buat tidak tahu saja dengan kekecohan org kampung semua. Saya kata 'Biaq pi la dia nk jadi menteri pun..esok esok dia lupa jugak kt kita smua ni..yg kita dok pi sanjong sgt dia ni buat apa. Saya berkata begitu sbb Allahyarham ayah saya adalah kawan karib bapa paklah..ada la cerita2 yg dia bagitau saya..tp saya masa tu masih

mentah..apabila dikatakan kawan karib bermakna mmg rapat hingga segala kebaikan dan keburukan bukan lagi rahsia diantara mereka. Mmg tidak dinafikan paklah masa tu mmg boleh dihormati..tetapi setelah bermenantu segala dan dia pun sudah dipuncak pemerintahan, segalanya tinggal lakonan semata...kata org dari sombong timbul 'ujub kemudian bongkak dan seterusnya sedikit demi sedikit lupa asal usul.

Semoga panjang umur Tun dan keluarga...supaya malaysia kembali ketangan melayu...

Org putih kata...'Looking forward to see u as the PM again'



34. *azzack*

July 11, 2008 at 9:08 pm | [Permalink](#)

Dear Tun,

Happy Birthday of 83rd years to Tun Dr Mahathir (10th July 2008)and Happy Birthday of 82nd years to Tun Dr Siti Hasmah (12th July 2008) May Allah bless you both for many more productive years.

Another amazing snippets from you, Tun,. Really hope Pak Lah can open his eyes widely and start "muhasabah" himself before he accuse anybody especially 'rakyat' for telling lies.

Thanks. I LOVE CHEDET.COM

Azidin Zakaria (Azzack)



35. *blogger*

July 11, 2008 at 9:01 pm | [Permalink](#)

Salam, Tun. What made you choose Pak Lah to replace you in the first place?

And if I may, who do you think will best replace him?

Assalamualaikum.



36. *Bogeyman*

July 11, 2008 at 6:20 pm | [Permalink](#)

Dear Tun

Firstly, "Happy Birthday" may you be bless by allah for leading the nation.

AAB has always been a sad story from the very begining. He has fail to realise

that a majority of our society is matured enough to evaluate right from wrong. He's priority should not be about what goes around in the SMS (Tell me it's a joke).

..... I think I'm speechless now.

37.  *string*

July 11, 2008 at 4:15 pm | [Permalink](#)

Really sad indeed.

38.  *hj ibrahim*

July 11, 2008 at 3:21 pm | [Permalink](#)

Tun,  
Tun boleh berehat lega setelah Tun memperkenalkan ICT dalam era Tun sebagai ketua negara dulu. Lihatlah hasilnya, dari semua lapisan rakyat negara kita telah dan sedang merasai 'buahnya'. Buahnyanya pula memang ada yang pahit dan jangan lupa ada juga yang manis. Kan adil kalau kita sama-sama suburkan pokok ini.

39.  *ibha*

July 11, 2008 at 3:05 pm | [Permalink](#)

Tun,  
Saya terpanggil untuk turut komen apa yang Tun perkatakan. Biar mereka dengan hal mereka yang masing-masing ada hujjahnya. DSAB sebenarnya telah begitu sabar dalam melaksanakan apa yang Tun warisi kepadanya. Tentang DSAI pula beliau amat lega sekarang setelah Tun keluar dari UMNO (baru). Saya cuma harap Tun janganlah pula buang rukun pertama dalam Rukun Negara, semua rakyat tahu Rukun Negara ada lima prinsip. Mereka perlu rujuk kepada prinsip pertama dalam Rukun Negara. Wallah hu a'lam.

40.  *MrBean*

July 11, 2008 at 12:45 pm | [Permalink](#)

ikan siakap ikan senohong  
banyak cakap semua bohong



41. *Nik*

July 11, 2008 at 11:06 am | [Permalink](#)

Assalamualaikum Tun,

Pernah anak saya yang berumur 7 tahun bertanya, “Ayah, apa maksud Bapa Pemodenan dan kenapa Mahathir orang panggil Bapa Pemodenan?”

Saya menjawab kepada anak saya ” Sebab semasa Mahathir jadi Ketua Malaysia, dia banyak buat benda baru, banyak kilang baru, jalan baru, bangunan baru, dan banyak lagi benda-benda baru. Orang kita Melayu pun jadi baru, dulu susah dan duduk kampung, sekarang ramai dah keluar universiti jadi orang kaya, duduk kat bandar, macam abah dengan mama..?” Saya menjawab mengikut tahap yang anak saya mampu faham..

Anak saya bertanya lagi.. ” Ooohh.. patutlah Tok dengan Mak Tok duduk kampung dan kita duduk kat bandar, sekarang yang jadi Ketua Malaysia(Pak Lah)tu panggil apa?”

Saya menjawab dengan ikhlas ” Entahlah, belum ada orang panggil dia apa-apa lagi. Ayah pun tak nampak apa yang dia dah buat.. Belum boleh panggil apa2 lagi” kemudian isteri saya terus mencelah ” Silap-silap orang panggil dia Bapa Pembohong, selalu sangat berbohong..”

Saya terkedu tapi terpaksa mengakui hakikat tersebut sebab memang ada kebenarannya... Tapi saya enggan mengulas kepada anak saya, saya tak mahu fikirannya diracuni dengan perkara negatif yang dibawa oleh Pak Lah ni..

Begitulah delima yang dihadapi oleh saya bila berdepan dengan anak-anak bila mereka bertanya tentang pemimpin negara sekarang ini..



42. *Nik*

July 11, 2008 at 11:02 am | [Permalink](#)

Assalamualaikum Tun,

Pernah anak saya yang berumur 7 tahun bertanya, “Ayah, apa maksud Bapa Pemodenan dan kenapa Mahathir orang panggil Bapa Pemodenan?”

Saya menjawab kepada anak saya ” Sebab semasa Mahathir jadi Ketua Malaysia, dia banyak buat benda baru, banyak kilang baru, jalan baru, bangunan baru, dan banyak lagi benda-benda baru. Orang kita Melayu pun jadi baru, dulu susah dan duduk kampung, sekarang ramai dah keluar universiti jadi orang kaya, duduk kat bandar, macam abah dengan mama..?” Saya menjawab mengikut tahap yang anak

saya mampu faham..

Anak saya bertanya lagi.. ” Ooohh.. patutlah Tok dengan Mak Tok duduk kampung dan kita duduk kat bandar, sekarang yang jadi Ketua Malaysia(Pak Lah)tu panggil apa?”

Saya menjawab dengan ikhlas ” Entahlah, belum ada orang panggil dia apa-apa lagi. Ayah pun tak nampak apa yang dia dah buat.. Belum boleh panggil apa2 lagi” kemudian isteri saya terus mencelah ” Silap-silap orang panggil dia Bapa Pembohong, selalu sangat berbohong..”

Saya terkedu tapi terpaksa mengakui hakikat tersebut sebab memang ada kebenarannya... Tapi saya enggan mengulas kepada anak saya, saya tak mahu fikirannya diracuni dengan perkara negatif yang dibawa oleh Pak Lah ni..

Begitulah delima yang dihadapi oleh saya bila berdepan dengan anak-anak bila mereka bertanya tentang pemimpin negara sekarang ini..



43. *ARbAK*

July 11, 2008 at 11:02 am | [Permalink](#)

ASSALAMULAIKUM YDK TUN, TUN SITI SEKELUARGA  
SELAMAT MENYAMBUT HARI LAHIR KE83, SEMOGA ALLAH SWT  
SENTIASA MENCUCURI RAHMATNYA KEPADA TUN SEKELUARGA.  
YOU NAILED HIM RIGHT ON THE HEAD. WHAT’S MORE CAN WE SAY  
ABOUT PAK LAH???? BANYAK SEKALI KEBENARAN TELAH  
DIPERKATAKAN KEPADANYA NAMUN DEMIKIAN HE CHOOSES TO  
MENZALIMI DIRINYA SENDIRI. SEMOGA ALLAH SWT MEMBERI  
PETUNJUK KEPADA NYA.  
SEMOGA YDK TUN SEKELUARGA DALAM PEMELIHAARAN ALLAH  
SWT



44. *madulazat*

July 11, 2008 at 10:55 am | [Permalink](#)

Happy belated Birthday Tun yg dikasihi..semoga panjang umur murah rezeki dan sihat senantiasa.

to comment on this issue...paklah ludah kelangit..



45. *mredz*

July 11, 2008 at 10:49 am | [Permalink](#)

Assalamualaikum Tun,  
Memang media cetak dan media elektronik masih mengatakan rakyat dan penyokong UMNO bersatu padu menyokong pemerintahan kerajaan sekarang. Pembohongan itu sungguh keterlaluan. sedangkan PRke 12 dh menunjukkan semangat UMNO kerajaan Paklah telah luntur sama sekali. KITA TAK BOLEH TERIMA DENGAN PROPAGANDA YG DIMAINKAN OLEH KERAJAAN PAKLAH INI..  
Semoga padangan Tun Sebagai BAPA PEMODENAN bangsa Melayu dan Malaysia amnya terus bersama-sama rakyat memperjuangkan kedaulatan dan keaslian pemerintahan Malaysia negara berdaulat berlandaskan ajaran islam yang sebenar. amin.  
Salam Ceria dari warga johor bahru



46. *hanya aku*

July 11, 2008 at 10:47 am | [Permalink](#)

assalam..  
kepada ayahanda Tun dan rakan2 yg menurunkan komen..  
terima kasi ayahanda kerana membuka minda rakyat tentang keadaan negara skrg ni.. tak terkecuali rakan2 yg menyokong..  
kepada DSAAB dan koloni nya renung2 kan lah.. apa yg tertulis di dalam blog ini... tidak kah ada sedikit pun rasa bersalah di dalam diri...  
apa yang paling keji ialah fitnah... tapi menganiaya tu tak kurang keji dan hina.. malahan dosanya pun amat dasyat..  
fikirkan lah klau rakyat mula rasa teraniaya, tertekan, sedangkan pemimpin masi bersenang lenang..  
DSAAB memperkenalkan islam Hadari tapi ada ka DSAAB mencontohi tokoh dan pemimpin islam yg terdahulu? Saidina Umar saya yakin ramai yang tahu kisah tokoh islam ini...  
subhannallah..



47. *sheikh*

July 11, 2008 at 10:39 am | [Permalink](#)

Tun,  
When all is gone, we only you to count on.  
Help us, the people of Malaysia to this incompetent leader (Pak Lah).

Something should be done.  
If there is anyone out there that could do something about this, that person is  
YOU.  
So, may God bless you in the quest of protecting the people's right.



48. *ramsisII*

July 11, 2008 at 10:30 am | [Permalink](#)

Salam hormat.  
Saya sangat sedih dengan perkembangan pada masa ini.  
Utk pengetahuan Tun, blog Tun ini telah disekat disemua agensi kerajaan  
semenjak 9 Julai 2008 yang lepas. Ini juga termasuk semua bloggers lain terutama  
yang melibatkan penulisan politik.



49. *threesixtynine*

July 11, 2008 at 8:51 am | [Permalink](#)

salam che det  
dia ni cuba menggambarkan imej pahlawan melayu  
tapi dia lupa, pahlawan melayu sebenar taat pada raja  
dia taat pada wang ringgit & 3K kot



50. *warna-shanas*

July 11, 2008 at 8:38 am | [Permalink](#)

Salam Tun,  
Inilah sikap kerajaan sekarang, sombong bodoh. Tidak cukup dengan itu, mereka  
kini pekak pula. Segala kritikan di anggap khianat, dan jika naluri mereka terasa  
akan kebenarannya, mereka memekakkan diri.  
Masih ingat saya terbaca temubual bersama bekas pengerusi Guthrie yang umum  
tahu MB Selangor kini, yang berkata jikalau di ibaratkan liga bolasepak,  
kehebatan Tun dikira Premier League (Satu tahap di ATAS Division 1, sementara  
Pak Lah, kalau lah bernasib baik dan terpilih, kekalutannya hanya boleh bermain  
di dalam Division 4.  
Amat benar sekali andaian itu.

51.  *dilin*

July 11, 2008 at 8:25 am | [Permalink](#)

Salam Sejahtera Tun,  
Saya memang bersetuju dengan komen Tun. Kita lihat saja apabila DSAAB datang melawat ke Sabah terlalu banyak janji manis yang ditabur tetapi sehingga sekarang belum pernah ada yang ditunai. Sabah dijanjikan berbillion billion ringgit tapi apa pun tak ada.  
Janji-janji ini adalah satu PEMBOHONGAN dan cuma untuk memujuk rayu rakyat agar terus menyokong beliau.

52.  *nakpartybaru*

July 11, 2008 at 7:37 am | [Permalink](#)

Assalamualaikum Tun dan anda sekalian.  
Happy 53th birthday Tun... Please come back and lead us.  
Kepada Tun yg di muliakan,kami faham perasan Tun mungkin sukar melupaan UMNO baru yg di ujudkan oleh Tun sendiri tapi...fikir fikirkan atas kehandak ramai yg berkehandakan sebuah PARTY BARU pimpinan Tun.  
Tentu ramai yg berharap Tun akan kembali menjadi PM bukan sekali kalau boleh berkali kali. Kalau di setengah negara pemimpinnya bukan hanya berumur (TUA) malah BUTA,LUMPUH,BEBAL,BODOLAH, ah..yang ni..banyak kat Malaysia pun ada.  
Jdi faktor usia bukan alasan utk Tun menjadi PM setersnya.  
Pimpinlah Malaysia Hingga Keakhirhyat Mu.  
MM (Malaysia Mahathir)

53.  *gombak*

July 11, 2008 at 6:04 am | [Permalink](#)

I agree Tun.. They tend to 4get what have been thought since young. Maklumlah dah berumur. LOL..

54.  [DatOK ZeQ](#)

July 11, 2008 at 3:18 am | [Permalink](#)

YAB Tun

Biar apa pun yang dikatakan nya, saya tetap akan menghantar SMS dan beblog. Kita bukan pengkhianat negara, cuma hendak menyatakan sesuatu yang tidak dapat di sampaikan melalui media yang di kontrol oleh mereka. Mereka yang sebenar nya Pengkhianat Negara, memperbodohkan dan menyapu bersih harta rakyat untuk kepentingan sendiri dan membuat rakyat menderita. Boleh beLAH ! Kalau tidak pandai menari, jangan pulak hendak disalahkan lantai ! Mengata dulang, paku serpih, mengata orang dia yang lebih ! Panas saya ni, dianggap pengkhianat ! Tun tak apalah dah tidak berdaya, darah cepat sejuk, tak macam Tun muda muda dulu. Kan gitu Tun !

DatOK ZeQ

Kelana Jaya, Selangor



55. *Tana*

July 11, 2008 at 2:05 am | [Permalink](#)

sebenarnya saya ada mengesyaki orang yang terlibat, ada bukti dan ada saksi. tetapi tidak mengambil apa-apa tindakan kerana orang tersebut adalah orang susah. dan diambil hanya untuk keperluan.

sebelum kenaikan minyak. kejadian seperti ini jarang sekali berlaku. mungkin pada masa tu harag makanan masih mampu dibeli. sekarang ni, harag makan naik, pendapatan sedia ada sudah tidak mencukupi untuk membeli makanan.. jadi barangkali jalan mudah.. mencuri..

susah hati ni.. tun tolong la.

100.



awangro

July 10, 2008 at 6:46 pm | [Permalink](#)

Assalamualaikum Tun,  
Salam dari Malaysia Timur,  
Saya telah lama membaca blog Tun, sejak jumlah pembaca dari hanya seribu lebih sampai ianya mencecah 3 juta lebih sekarang. Kekadang, saya berasa sedih yang amat sangat mengenangkan betapa sukarnya perjuangan yang Tun hadapi. Namun, saya yakin, Tun bukan orang sebarang. InsyaAllah, kemenangan akan berada di pihak yang benar, setidak-tidaknya di akhirat.  
Saya sewaktu remaja (sekarang berumur 32 tahun) memang selalu menyokong kerajaan dan tidak pernah sekalipun menyokong pembangkang. Bagi saya, keadaan hidup sebagai remaja, juga melihat keadaan sekeliling, saya tahu kerajaan telah menjalankan tugas baik, walau pun ada sedikit cacat celanya. Saya masih yakin sewaktu Pak Lah mula mengambil tampuk pemerintahan negara. Bagi saya, pembangkang tidak lain umpama “penganggu” kesejahteraan rakyat. Namun, keadaan masa kini telah membangunkan saya dan menyedarkan saya, bukanlah kerajaan yang patut disanjung, tetapi pemimpin; tak lain dan tak bukan, Tun. Pak Lah telah menyedarkan saya bahawa kerajaan is so ‘vulnerable’ bila pemimpinnya tidak betul. Terima kasih Pak Lah, kerana membuka mata dan minda kami.  
Satu yang tidak pernah berubah ialah kekaguman saya terhadap Tun; begitu bijak dan berfikiran jauh di hadapan. Semakin saya membesar, semakin saya mengkagumi Tun. Saya amat sedih dan terharu membacakan kisah penduduk luar negara, khas di negara Islam yang amat mengkagumi Tun, tetapi di Malaysia Tun dilayan seperti ...  
alangkah ruginya...  
Keadaan patut diperbetulkan. Pak Lah kata nak turun apabila keadaan dah bagus, tapi soalnya, macam mana nak bagus kalau dia sendiri yang jadi sebab kekalutan ekonomi dan sosial?  
Tun dan pembaca sekalian,  
Marilah kita melakukan sesuatu yang nyata demi memperbetulkan masalah yang kian hari bertambah-tambah. Kita berjuang bukan hanya “virtually”, tetapi perlu nyata, “tangible” supaya menjadi realiti.  
Saya dan ramai lagi akan menyokong dengan setia.  
Tun,  
Saya ingin mengucapkan terima kasih. Memang betul seperti yang dikatakan ramai pembaca, blog Tun umpama universiti yang telah banyak “mengajar”, menyedarkan dan memberi inspirasi kepada ramai. Terima kasih tak terhingga. Selamat Hari Jadi Tun.  
Semoga perjuanganmu menemui kejayaan. Kami akan menyokong demi negara yang tercinta.

101.



[Al Zubir](#)

July 10, 2008 at 6:45 pm | [Permalink](#)

Assalamualaikum w.t.b. dan salam sejahtera

Bukan senang nak jadi PM. Kalau tak teliti dan tak berpandangan jauh pasti akan berlaku banyak kepincangan. Setiap saat perlu sentiasa berfikir dan tak boleh leka. Seorang PM mesti berfikiran kreatif dan kritis.

Tun masih ingatkah lagi sewaktu perasmian Kedai SEDCO Pekan Kundasang (Fasa 1), Ranau pada 21.07.1980. Waktu itu, Tun masih Timbalan Perdana Menteri. Saya masa itu berumur 10 tahun dalam darjah empat. Saya sungguh gembira dapat bersalaman dengan Tun dan Tun membelai-belai saya.

Syukurlah sekarang ini ada blog dimana orang boleh meluahkan pendapat mereka yang sebelum ini tidak boleh dikeluarkan. Dari post Tun adalah berinformasi, berfakta dan berpandangan jauh berbanding dengan orang lain.

Saya adalah peminat Tun terutamanya pemikiran Tun dan sentiasa merindui zaman pemerintahan Tun yang mampu membuat kegembiraan rakyat Malaysia atau tidak keterlaluan saya katakan mampu membuat keajaiban.

Sekian, terima kasih.

102.



*Gooner*

July 10, 2008 at 6:44 pm | [Permalink](#)

assalamualaikum Tun...

selamat menyambut hari lahir...semoga allah mengurniakan keselamatan dan kesejahteraan kpd tun sekeluarga..

u'll always be remembered as the greatest leader of this country....

wondering who will be the next 'malay ultra'...

103.



[JP](#)

July 10, 2008 at 6:36 pm | [Permalink](#)

We are writing blogs. A blog (an abridgment of the term web log) is a website, usually maintained by an individual, with regular entries of commentary, descriptions of events, or other material such as graphics or video.

Many blogs provide commentary or news on a particular subject; others function as more personal online diaries.

We are just here to express our point of view, like writing diary; like chatting with buddies,  
can not ah?

.....read more at

<http://jp3rdparty.blogspot.com/2008/07/are-you-good-blogger-or-bad-blocker.html>



104. *Swanz Itam*

July 10, 2008 at 6:35 pm | [Permalink](#)

Salam Tun. Selamat Hari Lahir kepada Tun dan juga Tun Siti Hasmah. Semoga sentiasa dirahmati Allah hendaknya.

Fitnah dan pembohongan memang tidak baik, tidak kisah sama ada di internet, sms atau melalui apa saja. Kerajaan sekarang cuba mewujudkan tanggapan bahawa internet atau melalui sms hanya boleh dipercayai jika menyebarkan berita yang baik mengenai mereka, tetapi sekiranya menyebarkan maklumat yang tidak menyebelahi mereka, membongkar keburukan mereka, menelanjatkan mereka dan seumpamanya, maka semua berita itu adalah fitnah dan pembohongan walaupun betul.

Pemimpin ini mahu rakyat kembali mempercayai membuta tuli berita-berita di akhbar-akhbar utama yang hanya akan menyiarkan kebaikan-kebaikan yang penuh pura-pura, puji-pujian bodek, sokongan-sokongan pengampu dan lakonan simpati terhadap rakyat. Mereka tidak sedar ini juga adalah satu pembohongan dan pengkhianatan terhadap negara dan rakyat, kerana membuatkan rakyat mempercayai pembohongan mereka dan menghindarkan rakyat dari memahami perkara sebenar.

Pemimpin ini bukannya nak fikir bagaimana nak gunakan kemudahan internet ini untuk mendekati rakyat tetapi lebih suka merendah-rendahkan kemampuan rakyatnya berfikir dengan meletakkan pandangan rakyat di internet sebagai satu 'fitnah' dan 'pembohongan'.

Ini berbeza dengan pendekatan pemimpin parti pembangkang. Mereka saya lihat lebih cepat memahami perubahan senario politik negara kala ini dan menggunakan sepenuhnya kuasa internet untuk dekat dan rapat dengan rakyat. Sebagai contoh, ramai di kalangan pemimpin parti pembangkang menggunakan laman sosial 'Facebook' untuk mendekati rakyat jelata. Di laman ini mereka memberi peluang kepada rakyat dari pelbagai lapisan untuk menjadi 'friends' mereka di 'Facebook' ini. Cara ini tidak saja membolehkan mereka menyampaikan pandangan dan aktiviti-aktiviti mereka terus kepada rakyat tetapi yang lebih penting mereka telah berjaya menonjolkan diri mereka sebagai pemimpin yang berhati rakyat. Sesiapa saja dengan mudah boleh menjadi 'friends' kepada Nurul Izzah, Anwar Ibrahim, Lim Kit Siang, Tian Chua, Nasharudin Isa, Mohamed Nizar (sekadar menyebut beberapa nama). Amat sedih kerana pemimpin UMNO dikepalai oleh Presidennya lebih memilih

untuk menentang internet dan menidakkan kepentingannya sebagai medium baru suara rakyat. Mereka seperti katak di bawah tempurung. Mereka merasakan sebagai pemimpin dan menteri, taraf mereka lebih tinggi dari rakyat kebanyakan. Pada mereka sekiranya rakyat ingin menyampaikan pandangan mestilah secara formal sesuai dengan `taraf agung` mereka. Mereka merasakan bahawa mereka adalah satu kelompok Melayu yang lain....golongan elit yang perlu dihormati tetapi tidak boleh didekati walaupun melalui internet.

Sedarlah wahai pemimpin UMNO yang tergolong dalam golongan di atas. Masa anda sudah sampai ke penghujung, sudah senja. Sekiranya anda masih lembab untuk berubah dan tak tahu apa-apa, anda akan tercatat dalam sejarah untuk tatapan generasi masa depan sebagai golongan yang menghancurkan UMNO dan BN. Kami rakyat tetap seperti ini, mungkin ketiadaan anda lebih baik untuk kami, Siapa tahu.

Untuk Tun, terima kasih kerana walaupun telah bersara, Tun masih lagi cuba membimbing dan menunjukkan jalan terkini untuk berpolitik dengan mewujudkan blog Chedet ini. Tetapi apa kan daya pemimpin-pemimpin UMNO yang masih `berjuang` kononnya, amat lembab untuk memahami senario ini. Sekian Tun dan Tun Siti Hasmah, Selamat Hari lahir.



105. *antuport*

July 10, 2008 at 6:11 pm | [Permalink](#)

wah.. bestnyer! SAYA LEBIH BERSEMANGAT UNTUK MENYEBARKAN KETULUSAN MEDIA ALTERNATIF NI! haha.. boleh blah lah dgn kerajaan!



106. *derek*

July 10, 2008 at 6:09 pm | [Permalink](#)

....pak lah merosakkan masa depan bangsa Melayu and Malaysia....kesian kat anak cucu kita....



107. *johndoe*

July 10, 2008 at 5:56 pm | [Permalink](#)

pak lah would later be remembered as a stupid PM

108.  *sintaro08*

July 10, 2008 at 5:52 pm | [Permalink](#)

Jangan salah faham Tun.... ajaran islam hadhari memang macam tuuu.... kalau kritik kerajaan yang dibawah kepimpinan imam hadhari.... ianya di tafsirkan sebagai fitnah... tak boleh kritik2... tegur pun jangan... imam hadhari buat semuanya betul... untuk rakyat... bukan untuk keluarga hadhari saja.... Kalau Tun pun bertambah meluat baca statement imam hadhari... apa lagi kami rakyat suku marhaen nii... kalau dapat peluang.. memang nak kena sekeh Pak Lah tu dengan kaki2 ampu dalam kabinet hadhari ni...

109.  *Amar Makruf*

July 10, 2008 at 5:44 pm | [Permalink](#)

>

Thursday, July 10, 2008

Important Announcement

courtesy of mykmu.net

**NYATAKAN PENDIRIAN ANDA KERANA HAK AHLI UMNO DI PERINGKAT CAWANGAN DAN BAHAGIAN TIDAK BOLEH DIRAMPAS OLEH PRESIDEN ATAU MAJLIS TERTINGGI UMNO.**

**PAKLAH TIDAK ADA HAK BUAT PERALIHAN KUASA SEHINGGA TAHUN 2010 KERANA MANDATNYA AKAN BERAKHIR PADA DISEMBER 2008. PERALIHAN PATUT BERLAKU SEBELUM OKTOBER 2008**

**NYATAKAN PENDIRIAN ANDA SEGERA KEPADA AHLI MAJLIS TERTINGGI UMNO HARI INI.**

**NOMBOR TELEFON AHLI MAJLIS TERTINGGI UMNO ADALAH SEPERTI BERIKUT**

**012-3083000, 012-2888899, 012-3072151, 012-7169559, 012-2777111, 019-2010000, 019-6844444, 019-5115005**

>

110.  *jmangghah*

July 10, 2008 at 5:32 pm | [Permalink](#)

Itulah masalahnya apabila pemimpin tak sedar diri. Bilalah agaknya kepimpinan sekarang nak sedar? Jangan nanti sesudah terhantuk baru nak tengadah. Tun, sesungguhnya karisma dan kepimpinan Tun masih diperlukan. Jaga kesihatan baik-baik, My Dearest & Greatest Leader...



111. *nobody*

July 10, 2008 at 5:32 pm | [Permalink](#)

Dearest Tun Dr. Mahathir Mohamad ,  
i am really agree what Tun has written down here..i fully support..  
they do promises by promises..we trust and trust..now?! promises not been done  
and some more they break the promise..! what we want to believe anymore bout  
government? today say the fuel wont raise up..the second day announce "harga  
minyak naik sebanyak RM0.78".. Do you know how big burden is that?  
government dont have money? if not enough money to cover..why still want to use  
money in useless thing??such as : why send an astronaut??? how many money  
have spend there?besides that,why built useless thing??suppose to built didnt  
built..not suppose to built but built a lot.. why dont you save the money and cover  
all the holes first before want to show off to people that "malaysia boleh?"  
Malaysia Boleh is not show through this..is show it when the citizens are not  
suffer..citizens now suffer..still call as malaysia boleh? sorry for my big reaction  
in here,Tun..i hope you understand..this is not only what i think..i believe  
that..majority of the citizens have the same thought as i do..i didnt mean  
anything..just want to sound out my opinion..there are a lot of things that we have  
to say..but let 1 thing settle 1 thing..a lot of things come together wont be settle it  
nicely..we love our country thats why we sound out all this..if saying that we are  
betraying..well..thats is bull\*\*\*\* and guess wat the latest leader..you know what  
have you done..  
thank you..  
Tun, take good care..you always my idol..and happy birthday.. 😊  
if there is a reply..do reply me..thank you,Tun..



112. *Shaharon Salleh*

July 10, 2008 at 5:19 pm | [Permalink](#)

Dear Tun,  
UMNO terpaksa menanggung saat malangnya kerana sehingga sekarang Pak Lah  
masih tidak dapat melihat perlunya beliau segera meletakkan jawatan PM yang  
dipegangnya untuk menyelamatkan UMNO, Barisan Nasional, ummat Melayu

dan Negara.

Suara-suara menentang kepimpinannya sudah terlalu terbuka, tidak lagi dibuat secara senyap-senyap dari tabir belakang. Tempoh untuk Pak Lah bertahan (untuk meneruskan perjuangan yang belum selesai), sudah tamat.

Yang masih berdiri goyang bersama Pak Lah untuk mempertahankan hiraknya kini cuma barisan menteri dan beberapa kerat pemimpin negeri dan bahagian yang takut akan kehilangan kuasa dan pelbagai kemewahan yang dinikmati selama ini.

UMNO tidak boleh membenarkan keruntuhan kuasa dan parti berlaku semata-mata untuk mengikut telunjuk pemimpin atasan yang terlalu takut akan kehilangan kuasa.

Tanyalah ahli-ahli bawahan parti atau rakyat biasa apakah mereka mahu Pak Lah kekal sebagai PM sekarang atau tidak. Jawabnya 99 paratus dari rakyat dan ahli biasa UMNO pastinya akan menuntut Pak Lah segera berundur dari pucuk pimpinan parti dan negara. Inilah mesej mereka.

Apakah Pak Lah masih berupaya mempertahankan popularitinya yang semakin merudum sekarang dalam ketika desakan pelbagai pihak untuk beliau segera mengundurkan diri dari kepimpinan negara ini sentiasa diperhatikan oleh rakyat. Segalanya terpulang kepada kepimpinan UMNO sendiri di semua peringkat untuk mencari keputusan terbaik dan bertindak berani di dalam melakukan perubahan dan menentukan kedudukan presiden parti. Tindakan radikal ini terlalu penting dan amat kritikal kerana nasib negara dan Melayu itu sendiri adalah taruhannya.

<http://gendangdipalu.blogspot.com>



113. *arik*

July 10, 2008 at 5:16 pm | [Permalink](#)

Betul saya sokong Tun . Paklah ni memang gila kuasa macam lah pandai sangat dia cakap pun orang tak faham merapu-rapu pulak tu. Macamanalah Tun boleh pilih dia dulu. Setiap kali saya tengok Paklah dia berlagak macam orang pandai , keyakinan dia tak payah ceritalah sakit jiwa dibuatnya .Apalah nasib negara Malaysia ku ini. Malang-malang



114. *longman*

July 10, 2008 at 5:15 pm | [Permalink](#)

happy birthday to you Tun... May God bless you and give you strength to fight the sleepy head regime... Fight for us... We will be right behind you...

115.  *Philip*

July 10, 2008 at 5:11 pm | [Permalink](#)

Just to wish Tun, Happy Birthday Tun Dr.M!

116.  *water*

July 10, 2008 at 5:07 pm | [Permalink](#)

Memang tepat sekali!!  
Terima Kasih kepada Tun kerana menyuarakan suara Rakyat Malaysia!!!  
Ekonomi kita memang teruk hingga ada rakyat yang menjual buah pinggang  
untuk menyara keluarga.

117.  *Uchu Keling*

July 10, 2008 at 5:01 pm | [Permalink](#)

TDM,  
Happy 83rd Birthday and may God bless you and your family with good health.  
From  
Uchu Keling and everyone at <http://www.rumahdayak.com>

118.  *MamatOversea*

July 10, 2008 at 4:52 pm | [Permalink](#)

Assalamualaikum Ayahnda TDM.  
Pendapat saya mengenai “Fitnah internet, SMS perbuatan khianat PM” , tidak  
semua “sms” atau “fitnah internet” itu fitnah semuanya. Kerajaan Pak LAh juga  
telah membuat fitnah kepada rakyat mengenai kenaikan harga minyak,,sebelum  
pilihanraya rata-rata berjanji minyak tidak akan dinaikkan..tetapi dengan sekelip  
mata sahaja kerajaan Pak Lah telah menaikkan harga minyak yang tinggi dan  
menyiksa rakyat malaysia yang belum bersedia menerima kenaikan tersebut  
walaupun telah dibayangkan kenaikan akan dijangka didalam bulan Ogos..Ini

juga fitnah kerajaan Pak lah kepada rakyat.  
APa bezanya.....



119. *jaiguru*

July 10, 2008 at 4:52 pm | [Permalink](#)

Tun do us a favour seek audience to the king.  
It seems u r the only one i can call a saviour.  
As the King is the symbol of the nation-Not the PM  
The king has three primary functions – to the nation, to its loyal subjects, and to the religion  
And since He is the highest order in military and its might.  
He should intervenes when all leaders credibility are at question.  
Malay and other races obey the king and are loyal to him.  
Make him see what we are going through.  
Make him listen to what we felt.  
Make him hear the lies  
Make him judge and do what he will....  
-JEDS-



120. *jamallyna*

July 10, 2008 at 4:47 pm | [Permalink](#)

Salam Tun & rakan bloggers,  
Singapore dah turunkan harga minyak whereas Malaysia x pernah nak turun walau satu sen pun pada masa minyak dunia turun,tapi waktu nak naikkan harga memang CEKAP & PANTAS oleh Kerajaan Pak Lah Bodowi & sekutunya....lihat artikel dr mSTAR Online...  
Harga petrol di Singapura turun RM9 sen seliter  
10-07-2008 12:53:01 PM  
SYARIKAT minyak di Singapura mengurangkan harga petrol sebanyak S\$0.04 sen (RM0.09 sen) seliter untuk menggambarkan situasi pasaran semasa.  
Syarikat Petroleum Singapura Limited (SPC) mengumumkan semalam bahawa harga untuk tiga gred minyak yang dijual di stesen minyak negara itu mula diturunkan pada pukul 3 petang.  
Beberapa syarikat minyak yang lain iaitu Shell, Exxon-Mobile dan Caltex mula mengurangkan harga jualan minyak sejak pagi semalam.  
Harga petrol baru tanpa diskaun di stesen minyak kini adalah S\$2.32 (RM5.53) seliter untuk gred 98-oktana, S\$2.246 (RM5.356) seliter untuk gred 95-oktana

tanpa plumbum dan S\$2.213 (RM5.276) satu liter untuk gred 92-oktana tanpa plumbum.

Diesel yang kini dijual pada S\$2.033 (RM4.77) seliter tidak terjejas dengan perubahan itu.

Pada Sabtu lalu, keempat-empat syarikat minyak di negara itu menaikkan harga petrol sebanyak S\$0.05 sen (RM0.12 sen) seliter.

Harga minyak dunia jatuh lebih AS\$5 (RM16.22) kepada AS\$136 (RM441.27) setong kelmarin selepas kelembapan ekonomi dunia dilaporkan memberi kesan terhadap permintaan. BERNAMA



121. *GOMO*

July 10, 2008 at 4:37 pm | [Permalink](#)

SAYA SETUJU PANDANGAN DAN KOMEN TUN DALAM HAL INI!!!  
AYUH KITA SINGKIRKAN PAK LAH NGOK DAN KERONI-KERONI  
SYAITAN TU!!!



122. *kenapa n mengapa*

July 10, 2008 at 4:34 pm | [Permalink](#)

Assalamualaikum Tun...  
Selamat Hari Lahir...  
Semoga Tun dan keluarga dirahmati Allah...



123. *bmujid*

July 10, 2008 at 4:29 pm | [Permalink](#)

Assalam mualaikom Tun  
01 Selamat menyambut hari Jadi  
mudah2an sihat badan dan murah rezeki  
02 Saya merasa hairan kenapa ketua perhubungan UMNO P.Pinang  
Perlis dan Selangor telah menyatakan sokongan 100.00% pada  
percalunan persiden dan timbalan nya padahal mesyuarat  
cawangan bahagian belum lagi diadakan...pelik mungkin dah dapat  
gula2 kot???

03 adakah perkara 02 tak melanggar pelebagaan dan ethika permiliihan



124. *bee*

July 10, 2008 at 4:28 pm | [Permalink](#)

Selamat Hari Jadi buat Tun Dr.Mahathir. Semoga Tun di panjangkan umur , diberi kesihatan yang terbaik sekali dan di permudahkan segala-galanya dalam apa jua yang di lakukannya.

Tun,sesungguhnya tiada apa yang dapat saya ucapkan hanyalah ucapan terima kasih yang tidak terhingga kerana membina Malaysia sehingga di kenali di seluruh dunia.Membuka peluang pekerjaan buat rakyat jelata, dan banyak lagi tak dapat di senaraikan.

Sesungguhnya saya dan rakyat Malaysia berbangga di anugerahkan seorang insan yang teristimewa seperti TUN DR MAHATHIR.

Happy Birthday we love u so much

Terima Kasih



125. *muschemun*

July 10, 2008 at 4:28 pm | [Permalink](#)

Assalamu'alaikum Tun sekeluarga

Tersenyum pahit saya apabila membaca kenyataan SiBadwi di Berita Harian 8 Julai, 2008. Kenyataan dari seorang pembelit/penyamun.

Yang nyata ialah siBadwi cuba menipu rakyat agar senang menyamun.

Alihkan perhatian rakyat bahawa SMS & blog adalah fitnah agar segala penyelewengan nya terlepas

He he.....

Teruskan usaha Tun

Wassalam



126. *Hajar*

July 10, 2008 at 4:22 pm | [Permalink](#)

Salam Yg diKasihi Tun,

**“Jika pembohongan adalah pengkhianatan, maka yang mengkhianati**

**Negara dan Rakyat ialah Kerajaan dengan pemimpinnya.**

Jika rakyat melalui saluran yang tidak dikuasai oleh Kerajaan meminta supaya Dato Seri Abdullah berhenti daripada memimpin Kerajaan, mereka bukan buat fitnah. Sebaliknya mereka setia dan sayang Raja dan Negara dan ingin lihat negara ini tidak dibelenggu oleh Kerajaan pimpinan orang yang tidak sedikit pun setia kepada negara, hanya setia kepada diri sendiri dan keluarga.”

BRAVO! WELL SAID TUN! VERY TRUE.

PENIPU BESAR SEBENAR IALAH DSAAB & CO...MEREKA PENGKHIANAT NEGARA..Please STEP DOWN PENGKHIANAT..

Semoga Tun & keluarga sihat sejahtera dan sentiasa dirahmati Allah SWT.

Thanks Tun. Saya sayang Tun.



127. *azrein*

July 10, 2008 at 4:21 pm | [Permalink](#)

Salam Tun Dr.M,

Yang megkhianat dan menipu rakyat adalah Kerajaan flip-flop, Kerajaan yg membatalkan project yg telah diluluskan dizaman Tun. Project yg diluluskan dizaman Tun sepatutnya diteruskan kerana ianya telah mendapat persetujuan dari rakyat Malaysia, buktinya ialah setiap pilihanraya yg diterajui oleh Tun kemenangan tidak pernah kurang dari 2/3 majority. Sebagai rumusan, apa yg Tun kerjakan selama 22 tahun mendapat persetujuan dari majority rakyat yg memberi mandat pada Tun.

Wassalam



128. *ray77light*

July 10, 2008 at 4:16 pm | [Permalink](#)

Dearest Tun

Baru Pak Lah sedar yang rakyat TIDAK percaya padanya. YES!

Kesian tengok mukanya yang geram diTV.

Kempen Riben PUTIH untuk sokong Tun gesa Pak Lah TURUN.

Semoga Tun dan para bloggers berkesan menegakkan KEBENARAN.

Kami berdoa agar Tun sentiasa sehat walafiat untuk terus berblogging...



129. *sktan*

July 10, 2008 at 4:11 pm | [Permalink](#)

Salam Ayahanda Tun,  
Tengok SATU lagi PEMBODEK yang ujut. Shafie Ab(pa)dal.  
Diam2 dia mennunggu, sekarang doll-lah dah 'KENTUT', dia pula yang merasa HARUM. Serupa 'Parrot' tak? Bukalah MULUT (untok menhidu), kalau tidak hilang peluang keemasan(tangga kekuatan terhadap doll-lah), ingat dia. Cukuplah, tak takut orang ketawa kat u ke?  
Diam diam lagi elok, jika tiada 'episod' atau isu yang mengena.  
Jaga Diri Ayahanda.



130. *CucukSanggul*

July 10, 2008 at 4:10 pm | [Permalink](#)

Hidup Tun Dr. Mahathir!!!!!!!!!!!!!!



131. *d'soul*

July 10, 2008 at 4:09 pm | [Permalink](#)

Salam buat Tun...  
Pengkhiran yang sebenarnya adalah AAB...  
'Rakyat Malaysia menyokong penuh AAB'????  
Yang menyokong AAB cuma beruk2 peliharaan yang kena ikat hidung...  
Sedarlah kamu wahai AAB bahawa tiada seorang pun diantara kami@rakyat yang menyokong kamu...  
Buat Tun...  
Teruskan...  
Kami sentiasa menyokong Tun...



132. *xcv*

July 10, 2008 at 3:57 pm | [Permalink](#)

salam TUN..  
slamat ulang tahun kelahiran..  
semoga TUN sentiasa sihat..  
sesungguhnya TUN amat bermakna bg kami semua..

Kerajaan di bawah kepimpinan DSAAB dan kroninya tidak patut membiarkan rakyat terus menderita kerana perbuatan mereka ini.. jatuh bangun MALAYSIA bergantung kpd kerajaan.. tp sy secara jujur sngt meragui kerajaan sekarang.. adakah m'sia diambang kejatuhan.. saper berani nk lawan boss besar??? segala arahan dituruti dan diiyakan.. haihhhhh... sampai bila... boss angguk semua kena angguk laa.. tolonglah TUN Buat sesuatu.. kami rakyat sngt mahukan perubahan.. kami menyokong TUN sepenuhnya..



133. *alchemist johor*

July 10, 2008 at 3:55 pm | [Permalink](#)

Salam buat Tun Dr Mahathir yg dikasihi,  
Mereka lah sebenarnya pembohong besar dan pembuat fitnah! Semua kerugian negara seperti Tun bangkitkan tidak pernah diakui malah ada yang tak dijawab pun. Sedangkan mereka patut malu dengan Tun yang lebih lama dlm pentadbiran negara Tun sendiri yang bertanyakan soal pengurusan kerajaan. Isu hari ini yang patut perhatian adalah soal kuota biasiswa bukan bumiputera. Sedikit demi sedikit hak orang Melayu akan terhakis. Bila berkenaan orang Melayu menteri berkenaan akan menjawab 'tak apa nanti kita semak' -berita harian muka 2. Langsung tiada perasaan bertanggungjawab! Bab bukan bumiputera dibuat dulu baru dikaji. Berat sebelah!  
Saya masih ingat ketika PM kita melawat Pasir Gudang dulu merasmikan industri Biodiesel yang boleh mewujudkan peluang pekerjaan lebih 10,000 orang di Pasir Gudang-menjadi muka depan akhbar2 utama. Hmmm, bohong! Tak ada pun peluang pekerjaan yang digembargemburkan. Kebanyakan kilang yang hendak menjalankan industri tersebut juga terbabit dalam industri minyak sawit. Jadi tak perlu pengambilan pekeja baru pun. Adalah 2,3 kilang biodiesel baru yang dibuka yang hanya memerlukan 200-300 orang pekerja. Saya antara ahli kimia yang menjalankan analisis minyak sawit dan petroleum juga amat merasa sangsi dengan kejayaan industri biodiesel dalam menggantikan produk petroleum negara yang lain. Tidakkah mereka mendapatkan nasihat dari pakar ekonomi dan pakar sains negara sebelum melancarkan sesuatu produk atau program yang besar bagi negara. Pelbagai aspek amat bercanggah untuk memajukan industri berkenaan seperti harga minyak sawit yang tinggi, kos pengeluaran yang melebihi kos menghasilkan minyak sawit itu sendiri, 'politiking' antarabangsa pada produk negara (minyak sawit), spesifikasi yang tinggi bagi penggedan biodiesel menyebabkan kos analisis yang melambung naik dengan ditambah penggunaan

alatan yang amat canggih bagi memenuhi piawaian antarabangsa dan kenderaan yang boleh menggunakan biodiesel itu sendiri. Tanpa sokongan kerajaan 100% ianya akan menjadi lebih buruk seperti penggunaan NGV yang mana harga sebenar jauh lebih tinggi dari nilai pasaran dunia. Adakah mereka sanggup menyatakan kenyataan saya ini juga sebagai fitnah sedangkan saya terbabit dalam industri tersebut dan menagih janji yang dibuat oleh PM kita itu. Sudahlah orang Melayu didiskriminasi spt dalam industri yang saya ceburi, menteri melayu yang menjadi harapan kebanyakan orang melayu pula seperti kurang ilmu dan kewarasan berfikir apatah lagi memperjuangkan nasib orang Melayu. Agaknya tuhan telah menunaikan kata2 yang mana pada masa Tun berkuasa dulu kebanyakan ahli pembangkang sibuk menyatakan fitnah dan pembohongan berlaku dlm saluran telekomunikasi negara. Nah! Sekarang ini benda tersebut benar2 terjadi ketika Tun masih hidup lagi dan sahabat sekalian berpeluang mendapat perbandingan yang nyata kerajaan Tun dan kerajaan ABC yang lemah sekarang ini. Sekian dahulu buat tambahan kenyataan Tun di atas.

134.  *sitrend*

July 10, 2008 at 3:49 pm | [Permalink](#)

Dear Tun,  
Wishing you a Happy Birthday...

135.  *jamesmiely\_S2*

July 10, 2008 at 3:48 pm | [Permalink](#)

Salam Tun & Family.  
Ya...allah berikan ilham pada paklah supaya baiki kelemahannya dan menjadi pemimpin yg hebat dan bijaksana, ataupun ya..allah bukannya pintu hatinya supaya setuju utk letak jawatan. aminnnnnnnnn.  
happy birthday tun,..  
semoga sihat sokmo2.

136.  *Tun Dr Marvellous*

July 10, 2008 at 3:47 pm | [Permalink](#)

Kata Dato Seri Abdullah Ahmad Badawi; “Tindakan menyebarkan fitnah dan pembohongan melalui internet dan SMS untuk mewujudkan persepsi negatif rakyat terhadap Kerajaan adalah perbuatan khianat,” – Berita Harian 8 Julai, 2008.

Inilah dikatakan PARTI HADARI pimpinan DAAB. Khianat DAAB kpd rakyat lagi dahsyat dan berselindung dibalik kegagalan DAAB dalam menghuraikan masalah rakyat jelata?...Banyak sangat BODOH-SOMBONG nya?



137. *wokyoh*

July 10, 2008 at 3:45 pm | [Permalink](#)

Salam perjuangan buat Tun yang dikasihi...

bila baca paper 8hb ari tu....terasa dalam hati kecil saya...ni poklah nak kena bantai lagi dengan chedet ni....betul rupa-rupanya!!!...ari ni dah kena...paklah..paklah...lawak sungguh...

Tun kata...

“Jika pembohongan adalah pengkhianatan, maka yang mengkhianati Negara dan Rakyat ialah Kerajaan dengan pemimpinnya.” saya setuju tu...

Tun ,sebenarnya paklah dan menteri caca merba panca sitara dia dengki kat Tun...dah la ada blog yang popular....pengaruh dan pengikut pun makin ramai pulak tu....yang kutuk tun pun dah menyesal dan bertobat ramai-ramai...antimamak,Neil,ABI,mat melayu,thaiso...dan banyak lagi....

Tun ,happy birthday....(hari tu pakai kemeja merah..jalan dengan PM Bosnia, Tun masih lagi handsome,kacak dan bergaya diumur 83...

Tun..kuda-kuda tun tu,kalau taknak..bagi kat saya ye) contoh ayat-ayat bodek..... Satu lagi..paklah ni pandai ke menaip atau on komputer????

blog dia pun suruh orang lain tulis...



138. *anniza*

July 10, 2008 at 3:42 pm | [Permalink](#)

A’kum Tun,

Tak Faham dengan PM kita hari ini, kalau rakyat menyatakan rasa tak puas hati dengan apa yg telah didengari dari sumber2 yg boleh dipercayai dianggapnya fitnah!, mana letaknya pemikiran seorang pemimpin Pak Lah, habis tu rakyat tiada hak untuk bersuara, atau Pak Lah mahu rakyat Malaysia terus ‘MEMBUAT AKUAN BERSUMPAH DI BALAI POLIS DENGAN MENGATAKAN ITU DAN INI...’

Jika begitu yang dimaksudkan Pak Lah lepas ni sape2 rakyat yang membuat

aduan di balai polis tentang PM atau TPM terus dipanggil untuk disoal siasat pula?... Mana letaknya 'kepandaian' Pak Lah & konco2nya dalam mentadbir urusan dalam negara.



139. *jie*

July 10, 2008 at 3:41 pm | [Permalink](#)

Malaysia mengamalkan demokratik (kononnya). Namun rakyat tiada hak bersuara.



140. *keisuke*

July 10, 2008 at 3:27 pm | [Permalink](#)

Salam Bahagia buat Tun Tercinta..  
teruskan usaha Tun menulis ilham dan pandangan Tun..



141. *che yus*

July 10, 2008 at 3:18 pm | [Permalink](#)

sepanjang saya baca blog Tun semuanya lojik masuk akal dan berasas.Kalau Tun Dr Mahathir ni jahat nak tabur fitnah buat apa lantik pak lah jadi pengganti dari dulu lagi bermakna memang dia suka pak lah time tu.Sapa suruh pak lah tak appreciate dia buat kpala sendiri yg flip flop tu.dah tau diri tak sebijak Tun,terima la semua kritikan yg membina tu utk memajukan diri,parti,negara.tak salah pun nak kayakan anak menantu kalau mereka memang berkelayakan dapat kontrak.tapi jangan la dalam masa yg sama abaikan kritikan Tun yg memang membina,abaikan berjuta2 rakyat naikkan harga minyak utk tujuan peribadi.Boleh saja nak perluaskan pengaruh sepertimana Tun dulu tapi buatla dengan cara betul.



142. *ming*

July 10, 2008 at 3:14 pm | [Permalink](#)

Adakah raja abdullah ingin pemerintahan kuku besi di negara ini?!

143.  *cicit panglima*

July 10, 2008 at 3:13 pm | [Permalink](#)

Tun,  
Kenyataan yang sangat tepat dan padat... kalau tak faham juga, bukakan mata, lapangkan dada dan tanyalah Iman... keturunan Ulama lah katakan...

144.  *anonymous*

July 10, 2008 at 3:07 pm | [Permalink](#)

**Salam Dr. M...**

**While I agree with you Pak Lah had used the term “pembobongan dan fitnah” loosely when he didn’t elobarate it properly, I also disagree for the term “tanggungjawab mengkritik kerajaan” you used..I don’t think it’s an obligation..obligation to criticize made the one who critics looks ugly...his mind’s clouded..all he’ll be doing is criticizing anything...I mean, *anything*...even when he shouldn’t criticize...because he think he’s obliged to..**

**In my opinion, to critic someone/thing is when there’s the need to critic... “Jika pembobongan adalah pengkhianatan”; any sane person will know, ‘pembobongan’ *IS* ‘pengkhianatan’...**


**Anyhow, I couldn’t agree more that the government must take any critic within a positive context...no need to be so defensive about that..and from your blog, you gave some great critics...thumbs up...**

145.  *WanJ Peraksi*

July 10, 2008 at 3:06 pm | [Permalink](#)

YBG TUN,  
“Selamat Hari Jadi” semoga panjang umur dan dimurahi razeki.  
DSAAB sebenarnya dah lupa akan Rukun Negara yang pertama itu, kerana dia telah membuat rakyat Malaysia mempercayai ISLAM HADARI yang diasaskan olehnya dan di perturunkan oleh orang Badawi terdahulu.  
Bukan saja Melayu Mudah Lupa, ini pula seorang ketua pemimpin Melayu yang mudah lupa.”Ketam sekarang dah jalan betul, tapi DSAAB dan anak-anak, menantu, jalan dah tak betul, kembalilah kepangka jalan wahai DSAAB.

“Doa sikit:- “Ya Allah Ya Tuhan Ku, Tuhan Yang Menjaga langit Dan Bumi, Tuhan Yang Pengasih Lagi Peyanyang ” Sedarlah ! wahai DSAAB, kembalilah keperisip asal mu dan lembutlah hati mu dan letaklah jawatan, kembalikan jawatan itu kepada YBG TDM (birthday boy) yang dikasihi ini, semoga dapat dia memperbetulkannya, tapi saya percaya sekiranya jawatan itu di kembalikan kepada TUN dia tidak akan menyerahkan kpd DSNTR, .....  
“Amin”



146. *Noor Faiza*

July 10, 2008 at 3:02 pm | [Permalink](#)

Salam Tun pemimpin disanjung,

Tak payahlah Pak Lah susah-susah nak jawabkan untuk Najib. Apa yang dia buat ni ialah nak bagi Najib terhutang budi kat dia pada masa yang sama biar rakyat bincang pasal kes Najib sampai Disember.

Saya cukup meluat bila Pak Lah dengan disokong Bambang minta supaya masyarakat antarabangsa bertindak segera menangani harga makanan dan bahan bakar yang melambung.

Kenapa tak sokong Ahmaedinijad yang mengatakan isu harga minyak adalah mainan speculator? Kenapa tak sokong bila disarankan guna 1 bentuk matawang sahaja untuk trade oil between countries? Pak Lah memang pengecut !!

Pak lah selalu ingat rakyat bodoh. Saya tau Pak Lah menyokong speculator.

Mungkin Pak Lah juga mendapat laba keuntungan dari peningkatan harga minyak mendadak tempohari. Buktinya Pak Lah memindahkan beban tersebut ke kepala rakyat yang memang miskin daripada mengambil jalan menyelamatkan rakyat dengan kuasa yang ada.

Bukankah hanya speculator sahaja yang sanggup bersikap begini!!

Fikir-fikirkanlah semua...



147. *Roslee*

July 10, 2008 at 2:59 pm | [Permalink](#)

Askm YABhg. Tun

Apabila PM kata perbuatan memfitnah itu melanggar prinsip rukun negara, adakah Kerajaan PM sekarang ni tidak melanggar prinsip rukun negara. Cara dia defence diri memang tak kukuh. Apakan daya, mereka berkuasa. Tutup mata sahaja, salahkan orang lain. Dalam prinsip rukun negara, ada disebut keluhuran perlembagaan. Tapi kerajaan tidak menghormati perlembagaan. Kenapa saya kata begitu?

Kerajaan sekarang ini memerintah negara tanpa 2/3 majoriti parlimen. Biasanya hanya dengan majoriti 2/3 sahaja boleh meminda apa yang terkandung dalam perlembagaan. Kehakiman adalah terkandung dalam perlembagaan Jadi apabila kerajaan sekarang ini menggantikan institusi kehakiman dengan menubuh suruhanjaya kehakiman, di manakah kuasa kerajaan untuk mewujudkan suruhanjaya tersebut. Jadi istilah menghormati keluruhan perlembagaan dalam prinsip rukun negara tidak ada dalam falsafah pentadbiran kerajaan. Semcam ikut sedap hati sahaja.

Dalam soal undang-undang, negara kita sudah ada ISA yang berupaya mengekang pelampau yang boleh menggugat kestabilan negara. Pada masa sekarang ini, walaupun ada ramai pelampau yang suka membuat kacau dengan adakan perhimpunan, pergerakan dan bermacam-macam lagi, kerajaan takut untuk menggunakan ISA. Kalau buat sekalipun, mereka lambat nak buat keputusan. Asyik-asyik tubuh jawatankuasa penyiasat. Ada individu yang dah ditahan dalam ISA dilepaskan. Jadi kerajaan yang memegang undang-undang telah tidak menggunakan kedaulatan undang-undang. Secara tidak langsung, tidakkah ini juga melanggar prinsip rukun negara iaitu kedaulatan undang-undang?  
Terima kasih Tun.  
Roslee Mardan.



148. [penukul](#)

July 10, 2008 at 2:59 pm | [Permalink](#)

assalamualaikum,  
dear all,  
Semua org mesti paham, Pak Dol tak akan letak jawatan selagi org bagi tekanan kat dia. Malulah dia nak letak jawatan.  
Isyarat dah bagi tapi tak paham lagi. Macam mana nak buat nie?  
Hanya org umno boleh suruh dia letak jawatan tapi org umno semuanya takut dgn dia. Nak tunggu PRU13 lambat lagi. Nak protes jalanan tak dapat permit..fikirkanlah.  
wassalam,  
Pak Dol cakap tak serupa bikin..pirahhhh..puiii



149. [abg antimamak](#)

July 10, 2008 at 2:53 pm | [Permalink](#)

Salam untuk Tun dan warga Chedet.com  
Kami akan setia menulis blog...

Kami akan setia menyokong idea-idea Tun...  
Kami akan setia mengunjungi blog Chedet.com...  
THE SPIRITS OF "3 STEPS AHEAD" WILL REMAIN FOREVER!  
Read @ <http://kelabpenyokongtdm.blogspot.com/>

150.  *malan3395*

July 10, 2008 at 2:52 pm | [Permalink](#)

Tun...  
Klau btul PLah trun sy sanggup kluar ngan brok

151.  *cakkuncak*

July 10, 2008 at 2:50 pm | [Permalink](#)

YAB Tun,  
Kerajaan dan Dato Seri Abdullah seperti biasa tidak berpijak di bumi nyata.  
Beliau dan kerajaan boleh mencuba tetapi yang jelas seperti rumusan Tun baru-baru ini, rakyat sudah tidak percaya lagi.

152.  *Amar Makruf*

July 10, 2008 at 2:47 pm | [Permalink](#)

Tun,  
AAB memang nya saorang yang MUNAFIK. Setia menipu rakyat. Tiap2 tindak tanduk nya semenjak menjadi PM dan sebelum menjadi PM adalah untuk mengkaya dirinya, Kamaluddin, Khairy, Patrick Lim dan kunci-kuncunya. Mereka ini apabila sudah menjadi kaya raya, mereka membeli kuasa yang kini ada pada mereka dengan memberi RASUAH kepada setiap pemimpin2 UMNO dan BN supaya kekal menyokong nya. Hampir semua rakyat akar umbi telah menolak AAB. Maka sebab itu lah selepas kekalahan teruk BN tempoh hari, tiada post-motem yang diadakan, dan EGM untuk cawangan dan bahagian juga diharamkan supaya tidak dilihat rakyat akar umbi tidak menolak AAB. Sedarlah wahai AAB sampai bila kamu hendak menipu rakyat. Jika di takdirkan tuhan kamu jatuh dibila2 masa nanti. Kamu tidak akan lepas dari kesangsaraan didunia atau diakhirat. Hidup ini ibarat roda ada atasnya dan ada bawahnya. Jangan jadi serpeti bekas2 presiden Korea selatan yang merengkok dipenja

dihujung usia mereka. Ingat tak Shah Iran ?... Hanya satu ingatan . Allah Huakbar !



153. [rahimi Kapoor](#)

July 10, 2008 at 2:45 pm | [Permalink](#)

Tun,  
my personal opinion,  
u're very smart guy & the way u manage totally difference with Badawi.  
usually,boss mindset or ideology will be follow by subordinated.  
i dunno how long Badawi been ur subordinate, but then why do his doing this  
100% versus than u,  
i will be pround if my engineer better or min 10% have my skill,  
buthen if my subordinate , so somewhere & get fired by them, i maluloooo,  
Tun, any method to overight his power,  
there must be way punya,  
tun, just think harder,u able to get the way, what to do  
How to save Malaysia from become 3rd world & ur beloved UMNO?  
regardless with ur son or with ur e-PM power, sure boleh punya  
p/S: Allah give u a GOLDEN BRAIN(most powerfull parts of body), pls save us.



154. [sepool](#)

July 10, 2008 at 2:42 pm | [Permalink](#)

Salam Tun,  
Selamat Hari Lahir, moga sentiasa diberkati & ceria selalu.  
Saya akui apa yang Tun katakan memang benar. Tiada yang salah melainkan  
benar belaka. Pada PakLah dia mungkin masih popular sebab menang sorak sana  
sini. Tapi ingatlah rakyat yang terluka ini tidak akan memberi keceriaan pada  
PRU13. Saya akan kotakan janji saya ini selagi PakLah tak turun dan tiada  
peningkatan dalam ekonomi negara.  
Jangan nanti “menang sorak, kampung tergadai” sudahlah PakLah.



155. [khairuddin](#)

July 10, 2008 at 2:42 pm | [Permalink](#)

YABhg.Tun,

Nampaknya rakyat Malaysia yang bersuara melalui media yang bebas, internet dan SMS, adalah pembohong dan suka menabur fitnah. Inilah anggapan seorang pemimpin Kerajaan yang membuat 'tuduhan' semasa bercakap kepada pegawai dan kakitangan Kerajaan dalam majlis Perhimpunan bulanan JPM.

Kenapa tidak diwujudkan ruang khas, blog dan sms resmi UMNO atau JPM. Beri peluang untuk orang ramai meluahkan pandangan dan perasaan mereka terhadap pemimpin2 Kerajaan. Rakyat akan bebas memberi pandangan mereka. Adakah pandangan pandangan yang beri nanti satu pembohongan atau fitnah.. satu pengkhianatan...



156. *selasih\_jingga*

July 10, 2008 at 2:41 pm | [Permalink](#)

salam tun..

semoga tun dan keluarga diberi kesihatan yg baik.Ini kali pertama saya menghantar komen.

selamat ulang tahun tun;-)



157. *WS*

July 10, 2008 at 2:38 pm | [Permalink](#)

Tun yang dihormati;

Jika kita pergi ke Wad Gila, tentu Penghuninya akan mengatakan kita yang GILA. Apakah menulis blog semuanya melanggar Prinsip Prinsip Rukun Negara?

Apakah Rakyat BODOH dan TIDAK WARAS, kerana tidak dapat membezakan siapa kah yang BENAR BENAR melanggar Prinsip Prinsip Rukun

Negara.Perdana Menteri lah orang yang melanggar prinsip Rukun Negara.Untuk menjadi Perdana Menteri, beliau mesti mendapat perkenan dari SPB Yang DiPertuan Agung.

Dalam isu perlantikan Menteri Besar Perlis dan Trengganu, beliau telah bersikap KURANG AJAR kerana TIDAK MAHU mengiktiraf dan menerima calon yang di perkenankan oleh Baginda Sultan Negeri Negeri tersebut.Jadi SIAPA kah yang KURANG AJAR?

Apa kah kita mahu seorang Perdana Menteri kita seorang yang HIPOCRITE?

Tolonglah pertimbang baik baik..Saya yakin beliau akan dan rela mengadaikan apa saja asalkan cita cita beliau dan menantunya tercapai. Rakyat mesti SADAR dan bersatu dan membuat perubahan TOTAL demi perpaduan bangsa, Rakyat jelata dan juga Negara.

158.



RAR

July 10, 2008 at 2:29 pm | [Permalink](#)

SALAM BUAT TUN DAN KELUARGA,  
BLH TAK TUN BG ALAMAT DIMANA SAYA BLH ANTA KAD UCAPAN  
HARI JADI ATAU KAD HARI RAYA YG AKAN TIBA TAK LAMA LG.  
DULU MASA TUN JD PM SAYA TAK PERNAH LUPA HANTAR KAD  
UCAPAN KE OFIS TUN DAN YG PALING MEMBANGGANYA BILA TUN  
PLAK TAK PERNAH MEMBALAS PADA SAYA. MASIH SAYA SIMPAN  
KAD2 ITU.  
SALAM SAYANG SAYA PADA TUN DAN KELUARGA. MOGA ALLAH  
LANJUTKAN USIA TUN DAN BERADA DALAM KEADAAN SIHAT.  
WASSALAM  
MELAYU YG X LUPA.

159.



EL NINO

July 10, 2008 at 2:28 pm | [Permalink](#)

Salam Tun..  
First and foremost HAPPY BIRTHDAY TUN!..May God bless you with more  
wealth and health...To be honest if there was no Law and we were given a choice  
dah lama BODOLA BODOHWI NI DAH KENA TEMBAK!!..Sorry to say this  
Tun especially on your Birthday but this is how we rakyat feel towards him. I  
come from quite a well to do family but even that Tun we can feel the pettol rise  
has a very bad effect in our lifestyle. BODOHLA BODOHWI ni suroh orang  
tukar gaya hidup...NAAHH..NI JAWAPAN KAMI SERAKYAT...TUKAR  
KERAJAAN YG BODOH , BERASUAH DAN PENTINGKAN DIRI  
SENDIRI..Today the public dah mula buat protes semua...The days are not very  
far Tun that Malaysia would take violent drastic steps if this CURRENT STUPID  
GOVERMENT DOES NOT MAKE A CHANGE..To end this once again  
HAPPY BIRTHDAY TUN!

160.



jaiguru

July 10, 2008 at 2:23 pm | [Permalink](#)

hmmm who is the King anyway? is it DSAAB??  
EMERGING country konon... but third world Government!!!!  
BRAIN DRAIN... give higher salary to foreigners... wakakakakakakakakakakaka  
OP is not that smart either... la wake UP la .....



161. *mohamed*

July 10, 2008 at 2:17 pm | [Permalink](#)

TUN  
This time your blog is best of the best. For those who still cannot differentiate between KERAJAAN, NEGARA DAN RAJA, this is the answer. And for those who think you were egotistic dictator during your time, think again.  
Sincerely TUN, from my heart HAPPY BIRTHDAY  
mohamed



162. *ladahitam*

July 10, 2008 at 2:16 pm | [Permalink](#)

Assalammualaikum ayahanda Chedet,  
Ini adalah pertama kali saya menulis dalam ruangan ini sejak mengenali blog ini hampir dua bulan yang lalu. Tiada apa yang ingin saya katakan di sini selain kekaguman saya terhadap cara kepimpinan ayahanda memimpin negara. Setiap hari pasti saya lawati blog ini untuk membaca tulisan/idea bernas dari ayahanda. Teruskan perjuangan ayahanda selagi hayat dikandung badan.  
Saya sudah bosan dengan keadaan politik negara sekarang. Fitnah-menfitnah, caci-maki, rasuah dan macam2 lagi yang jelik untuk diperkatakan. Ada PM pun bukannya nak memajukan lagi negara tapi semakin nak menJAHANAMkan negara.  
Saya dan saya percaya ramai lagi amat merindui zaman kepimpinan ayahanda di mana saya/kami boleh tidur lena di malam hari tanpa risau menanti hari esok. Tetapi sekarang bak kata orang tuh, UBAH CARA HIDUP.....??  
Bantulah kami, berilah kami panduan bagaimana untuk kami hadapi hari2 yang semakin mencabar ini.  
Ayahanda Chedet, kembalilah...  
Ingin saya membuat pembetulan berkenaan Rukunegara...(ralat)  
1. Kepercayaan Kepada Tuhan(ALLAH s.w.t)  
2. Kesetiaan Kepada Raja Dan Negara  
3. Keluhuran Perlembagaan  
4. Kedaulatan Undang-undang

5. Kesopanan Dan Kesusilaan  
janganlah kita lupa pada yang SATU itu...  
p/s: kirimkan salam saya pada bonda Hasmah  
Wassalam.

163.  *dilin*

July 10, 2008 at 2:15 pm | [Permalink](#)

HAPPY BIRTHDAY TUN. Semoga sihat selalu dan dipanjangkan umur Tun.  
Keep up your good works.

164.  *Omry*

July 10, 2008 at 2:06 pm | [Permalink](#)

Assalamualaikum Tun,  
Sebenarnya Pak La tahu Rukun Negara, menyanyi lagu negara ku pun  
pandai.....  
Rukun Islam dan rukun iman pun dia lagi tahu.....  
Saya amat setuju dan sokong sepenuhnya pendapat tun. Sekarang saya lebih  
percaya kepada blogger daripada perdana menteri.....  
Kami tahu apa yang kami rasa dan lihat.....  
Pak La hanya percaya kepada ahli UMNO dan BN bahawa dia dapat sokongan,  
tetapi bagaimana dengan rakyat?..... tak sokong!  
Teruskan menulis, agar rakyat lebih faham dan tahu yang mana benar.  
Terima kasih yang tak ternilai harganya.....kami sayang Tun.  
Salam untuk Tun sekeluarga, semoga sentiasa dilindungi Allah swt.

165.  *anakteja2*

July 10, 2008 at 2:04 pm | [Permalink](#)

Assalam ayahanda Tun

- 1) saya nak ucapkan – selamat hari lahir, semoga dipanjangkan umur, teruskan perjuangan demi bangsa, agama dan negara. Seterusnya mendapat berkat dan keredhaan Illahi, sesungguhnya (lebih kurang) ....kehadiran seseorang mujadid zaman akan mengubah keadaan dan suasana...
- 2) komen- komen saya yang lepas di rujuk perihal PM, nak kutuk – dosa, tapi tak

cakap lagi berdosa....

3) apa benda punya mentaliti dia nie – susah bebena nak faham, bak kata orang perak – udah bekabo pun, udah bercakap pun ye, tapi dia degil ngalahkan amenda teman pun dah tau nak rujuk

4) Pemikiran lemah, pemerintahan rapuh, strategi (jgn cakap le – failed)sekarang nie orang tak leh komen dia... Ha...! ini baru diktator sejati, Oi PM oi....! dengarlah dengan telinga....!

5) lagi lama teman menulis, lagi merah telinga, lagi mengelegak dek kobodoan nya....Hudah2 le tu, turun aje le...

6) Tun, ingat depa ni ada baca dak blog nie, mesti baca punya ...tapi sapa yang baca, bukan PM kot tapi “orang-orangnya” sebab PM kita kuat mengantuk, tidur – malas baca

7) budak tingkat 4 tu pun sama, sama ngan Mr Bean – ye le belajar ngan Uni Oxford – yahudi, atuk teman one of the pioner tubuhkan RRI rubber research, dia ada access kat Oxford, dia bagitahu... 😊Nampak gayanya – rakyat aje le yang merana – Takleh jadi ayahanda TUN oi, bukak parti baru- alignkan balik, hancur negara, amenda ada kena menggena – orang komen kerja dia, kata lak kutuk rukun negara, tak ke katun tu...pemikiran lemah, fokus takde, Hampeh! Tapi, ayahanda TUN teruskan perjuangan selagi mampu ye, wasalam – doakan moga sehat – anakteja



166. *mrnawie*

July 10, 2008 at 1:56 pm | [Permalink](#)

salam buat Tun n keluarga.

hari ini saya merasa amat bangga sekali dan juga terasa begitu kerdil sekali kerna Tun membaca semua comment yg dikirim.Jutaan TERIMA KASEH Tun for correcting my figure- I thought ganti rugi jambatan bengkok RM100juta dah banyak,rupa2nya 1 billion.Disangkakan kos biaya keretapi berkembar Ipoh-Padang Besar 1 billion rupanya 12 billion!

Agak-agaknya siapalah penerima bertuah ni.....scomi.maggie mee atau me,me yg sewaktu dgnnya kot!



167. *cariidea*

July 10, 2008 at 1:53 pm | [Permalink](#)

Assalamualaikum

Fuuuhhh..jawapan yang padat..tepat...nak ketawa saya bila Tun bagi tau mana ada kesetiaan kepada kerajaan..Betul sangat. Sebiji kena di atas kepala dia. Kalau

boxing kira dia dah kena buah KO. Memang kepala otak Tun geliga sangat.  
Tunggu ulasan seterusnya dari Tun..



168. *dilin*

July 10, 2008 at 1:52 pm | [Permalink](#)

HAPPY BIRTHDAY TUN. semoga sihat selalu dan dipanjangkan umur Tun.  
Keep up your good works.



169. *Fazrulls*

July 10, 2008 at 1:51 pm | [Permalink](#)

Salam Tun,  
Saya amat bersetuju dengan Tun, Bagi jalan mudah pada kami bekas ahli UMNO  
untuk keluar dari parti yang sedang bermimpi ini dengan segera...  
Salam mesra,  
Moga Tun dan Isteri sihat sejahtera..  
Dimana bumi di pijak...di situ langit kita junjung....



170. *subra*

July 10, 2008 at 1:49 pm | [Permalink](#)

Salam sejahtera Tun,  
Cantik macam bunga.  
Syabas. Kupasan Tun sukar dijawab.



171. *Herlina Ab. Aziz*

July 10, 2008 at 1:47 pm | [Permalink](#)

Tun yang dikasihi,  
Saya adalah rakyat yang sangat cintakan negara saya. Siapa Pak Lah nak kata  
kami tidak setia kepada Negara. Kerana setia kepada negaralah saya terpanggil  
untuk meluahkan pandangan saya, walaupun bunyinya seolah menongkah arus.

Ketika itu, Perdana Menteri Malaysia adalah Tun Dr. Mahathir Mohamad. Saya rasa cukup bertuah sekali kerana ketika melawat ke Komplek Sri Perdana, rumah Perdana Menteri Malaysia yang menjadi kebanggaan rakyat, saya berpeluang melihat Tun Dr Mahathir dan Tun Dr Siti Hasmah berada di sana. Walaupun tidak berpeluang berbual dengan mereka ketika itu, senyuman dan lambaian mereka cukup untuk menjadi ingatan saya yang sememangnya amat meminati mereka.

Saya berpeluang untuk melihat ruang utama yang digunakan oleh Perdana Menteri Malaysia untuk menerima tetamu kehormat dari seluruh dunia. Dari ruang mesyuarat, ruang jamuan, ruang rehat dan tandas?! :twisted: Walaupun sekejap, peluang menjejaskan kaki ke rumah ibarat istana yang mungkin tidak akan menjadi milik saya, adalah pengalaman yang tidak dapat dilupakan selamanya.

Minggu ini saya membawa rakan dan keluarganya ke Putrajaya. Jika selama ini saya bercerita tentang Putrajaya kepada mereka, kali ini saya berharap mereka dapat menyaksikan dan merasai sendiri apa yang saya lalui.

Malang sekali, saya dapati rumah Perdana Menteri Malaysia ini tidak lagi boleh dikunjungi oleh rakyat :(

Apabila bertanya kepada polis yang bertugas di pondok kawalan masuk ke rumah ini, mereka menjelaskan bahawa rumah ini tidak lagi dibuka kepada rakyat untuk lawatan sejak tahun 2004. Ia membuatkan saya tertanya-tanya mengapa? Sedangkan setahu saya bukankah Perdana Menteri Malaysia sekarang ini lebih berjiwa rakyat?

Putrajaya yang ada sekarang jauh berbeza dari saat awal ianya dibuka. Sungguh menyedihkan!

By Pokkam  on [July 10, 2008 12:24 PM](#)

Dear Tun,

First of all I wish you a Happy Birthday.

Your latest article seems to be the strongest worded response so far from the blogosphere.

Quiet unexpected from an 83 year old man.:)

Salam.

By Capt Md Ismail Md Noor on [July 10, 2008 12:24 PM](#)

Tun,

Pembohongan hanya boleh ditutup dengan pembohongan lain melainkan pembohongan itu dihentikan dengan perkataan benar.

<http://pemikiranpositif.blogspot.com>

By mantoba on [July 10, 2008 12:24 PM](#)

Salam hormat buat Tun sekeluarga. Semoga sehat sejahtera. Amin.

YES! YES! YES!!!! Tun telah telah mempertahankan tohmah Pak Lah konon lak kiter sebar fitnah.....Apa yang rakyat selalu bincangkan

adalah perkara yang sah dan benar. Siap bukti....Yang rakyat tahu

Dia dan konco2nye lah yang banyak berbohong melalui media kawalan gomen. Orang

kampong yang tak ada internet lopong dengar cerita hikayat Pak Lah. Tak tau malu ler

dia ni.....buat statement tanpa tengok2 diri sendiri....Patut ler pun menteri2 nyer

kesempatan diatas kelembekan Pal Lah....Maner tak kalu BOSS baik semua orang

sayang dan BODEK.....Rase nyer BOSS ni ade pakai MANDERAM (pinjam cakap

Sami...)kot.Tu ler sebab nyer menteri2 gomen ikut jer cakap dia.Wallahwaallam.....

KERAJAAN pAK LAH....GEMBILANG...CEMERLANG...TEMBERANG...

By warisan melayu on [July 10, 2008 12:25 PM](#)

to devastator,

ingin perbetulkan, bukan UMNO yang melanggar prinsip serta rukun negara tetapi ia

adalah DATO SERI ABDULLAH BADAWI! kerana dia lah, yang mendengar serta

mendapat nasihat 'percuma' dari ahli keluarganya.

seperti juga semua projek-projek yg dibatalkan, semuanya angkara KELUARGANYA!

dari dulu lagi, jgn campur aduk kan keluarga dalam politik dan pentadbiran kerajaan,

inilah padahnya!

fikir-fikirkan lah...

By darth on [July 10, 2008 12:25 PM](#)

happy birthday tun.

By entahlah on [July 10, 2008 12:27 PM](#)

Salam Tun and all of you guys here,

Quote:

"Dimanakah disebut "Kerajaan" dalam Rukunegara? Atau apakah pada pendapat Dato Seri Abdullah Kerajaan adalah sama dengan Raja dan Negara?"

+ 1X10^9

I used to say to myself from what is happening currently in this beloved country, that this guy is either:

1)A super evil

or

2)A super fool

I'd say by the latest development he is both. He thought that he could fool people by the

rukun negara things...whatttt lah! With that, he is then both a super evil and a super fool.

huhuhu...Ya Allah...selamatkanlah kami daripada orang yg mcm ni..

With the latest comment from the PM, I can conclude that he has rubbished what has been said in the cyber world, thus convinced himself that there is nothing wrong with his administration. Pathetic...keep on dreaming dear PM, I hope you will get a nightmare!!

Isk! Tak tau nk kata apa lagi (sambil geleng2 kapla)

P/s TQ for everything that you have done for this country. You'll never walk alone. :')

By fique on [July 10, 2008 12:27 PM](#)

salam Tun,

semenjak Tun keluar daripada UMNO, kepercayaan kami kepada BN dan UMNO sudah

luntur. Mungkin UMNO sekarang adalah Semangat 46 dan bukan lagi UMNO lama.

Pak Lah harus letak jawatan...

semoga Tun berada dalam keadaan sihat dan sejahtera. Kami masih perlukan semangat Tun. selamat hari lahir Tun.

By allen ng on [July 10, 2008 12:28 PM](#)

Well said Tun. It seems that the present Government is afraid that more worms are coming out from the can and by telling "fitnah or khianat" of bloggers it would cover-up their mistakes of mismanagement of the economy and others.

By darth on [July 10, 2008 12:28 PM](#)

salam tun. apa komen tun mengenai ganjaran RM 1 juta untuk pemenang olimpik.

By Sheikh on [July 10, 2008 12:28 PM](#)

Apakah penting untuk kita sengaja dengan niat menyebarkan fitnah dan pembohongan kepada kerajaan yang baik di internet?

Adakah kami di sini orang yang kurang akal? Kami semua banyak kerja lain yang lebih berfaedah dari itu sekiranya itulah tujuan kita.

Tidak kah terfikir yang kami ini tidak pun menyebelahi pembangkang sebahagian besarnya. Kami ini adalah orang yang di atas pagar. Boleh jadi bakal penentu kemenangan kerajaan masa akan datang. Boleh jadi majoriti senyap.

Ambil hati kami

Perbezaan pendapat pasti akan wujud ibarat selera kita yang juga berbeza beza.

Masalahnya bagaimana kita dapat menyatukan keberbezaan pendapat ini menjadi satu? Itu tanggungjawab AAB dalam UMNO. Penting sangat.

Bagi kami pula sebagai ketua keluarga kami, kami akan uruskan.

Bukankah apa yang kami tulis ini sama saja dengan perbincangan di Dewan Rakyat?.

Malah sebahagian besar dari kami lebih bersopan menggunakan kata kata dari wakil rakyat sendiri. Ia itu di Dewan Rakyat yang mulia.

Tidak kah AAB berfikiran positif dengan mengambil pengajaran dari kami ini yang sudi meluangkan masa demi kasih kepada negara.

Apakah sebab kami tidak menjadi menteri atau menjawat jawatan penting makanya pendapat kami adalah sampah semata mata.

Tidak kah Tuan PM tahu bahawa idea ais krim kon itu adalah dari tukang sapu sampah saja dimana seluruh ais krim boleh di makan tanpa membuat sampah sarap.

Bukan kah kepentingan Negara itu lebih penting dan di atas dari kepentingan parti sekalipun? Bukan kah itu tanggungjawab kita semua. Selagi kita rakyat Malaysia.

Kami yang berani menulis ini bukan pengkhianat. Pengkhianat sebenarnya adalah di bawah kaki AAB iaitu yang telah menyebabkan BN gagal mendapat sokongan 2/3 dalam diam. Tumpukan kepada mereka.

Kenyataan kami malah lebih baik dan sopan dari pihak pembangkang. Tidak kah pembangkang itu lebih dari pengkhianat? Mereka ada akhbar sendiri dan kerajaan meluluskan lesennya.

Tunjukkan tulisan kami yang lebih teruk dari akhbar pembangkang?

Sekali lagi saya ulangi. Pelajari lah dari sini. Sesungguhnya kemenangan parti pembangkang adalah sebahagian besarnya oleh internet. Gunakan wadah ini untuk perjuangan jika berani.

Misalnya Khomeni dalam rangka menjatuhkan Shah Iran menggunakan kaset yang di edarkan untuk memberi kempen mempengaruhi rakyat. Khomeni yang seolah kolot itu

menggunakan teknologi yang ada pada masa itu sebaik mungkin untuk menjatuhkan Shah Iran.

Pada pilihanraya akan datang internet akan lebih berperanan besar untuk menentukan kemenangan. Maklumat ini boleh di muat turun dan di cetak untuk di sebarkan pada yang tidak mempunyai internet. Dalam tempuh yang pendek.

Pada masa itu fitnah atau tidak bukan ukuran lagi. Terpulang kepada rakyat untuk mempercayainya dan turun ketangan untuk memangkah calon pilihan mereka.

Fahami lah selogan satu rumah satu computer. Rakyat sedang memenuhinya. Internet pun sudah RM60 sebulan tanpa wayar. Beras sebulan pun lebih mahal lagi. Jadi berhati hati Tuan PM.

Jangan mengeneipkan internet kelak memakan diri sendiri.

Jangan mengeji api membakar rumah kerana ianya boleh di gunakan untuk memasak yang enak enak untuk kita mejemput ramai orang datang ke majlis.

By jeffry05 on [July 10, 2008 12:29 PM](#)

Salam Tun,

Apakah prinsip rukun negara ini ditujukan kepada kesetian kerajaan memerintah atau kepada negara...? Apa yang saya faham rukun negara ini adalah untuk rakyat agar mereka setia pada negara dan patuh akan rukun rukun yang ada di situ..., sedangkan masa perbalahan pelantikan menteri besar trengganu dulu pun mereka dah langgar prinsip rukun negara kerana mebelakangkan keputusan Raja..., itu mereka tak nampak.....! tapi apabila kepercayaan dan cerita cerita belangkang tabir yang kita dengar yang disebarkan melalui internet dan sms mereka merujuk kepada rukun negara pulak dan menuduh rakyat tidak setia kepada negara, rakyat cuba untuk menyelamatkan negara dari tergadai oleh kerana kepincangan kepimpinan mereka yang tidak bagus dalam menguruskan negara...,jangan pelekehkan rakyat kerana kuasa ada pada tangan rakyat yang boleh mengubah segalanya..., ingatlah kita tak selamanya duduk di atas..., pasti kita akan turun jugak kebawah..., pikir pikirkan lah..., sekian, semoga Tun sihat selalu...dan selamat hari lahir semoga Allah memberi kekuatan kepada Tun dalam segala usaha Tun...Amin.

Wasalam, Jeffry05

By ketam on [July 10, 2008 12:32 PM](#)

Assalamualakum Tun,

Rukun Negara pun Pak Lah tak faham... bagaimana nak mentadbir negara. Malangnya nasib kami.

Tolonglah Pak Lah..... tiap kali wajahnya terpapar di TV terus keluarga saya tukar channel. Baik tengok Tom and Jerry

MENYAMPAH

By gohhoehoe  on [July 10, 2008 12:32 PM](#)

Selamat Sejahtera TUN

Apakah kritikan dalam internet dan SMS (sistem pesanan mesej ringkas) semuanya pembohongan?

Jawapan nya ialah bukan lah semuanya yang membinasakan ada juga yang membinakan. Tetapi kita tidak boleh percaya semua yang kita baca. Saya bukan penyokong parti pembangkang adakala saya juga bersetuju dengan pendapat mereka jika cadangan adalah sesuatu yang membina. Misalnya hal tentang pembinaan Jambatan Pulau Pinang

yang kedua.

Pada pendapat saya bumi yang bertuah ini yang dulunya dikenali sebagai semenanjung emas ,memang kaya dengan pelbagai sumber,sumber galian,sumber asli,kebudayaan , kemanusiaan ,permandangan dan sebagainya.

Peindustrian pelancungan jika dilancarkan secara rapi akan membawa pendapatan yang lumayan kepada negara kita. Pembinaan Infrastructur seperti Lapangan Terbang antarabangsa Sepang KL , North South Highway telah memberi kesan yang baik untuk peindustrian pelancungan.

Sungguh gembira saya sebagai anak PULAU PINANG apabila saya dimaklumkan bahawa GeorgeTown dan Bandar Melaka disenaraikan sebagai BANDAR WARISAN DUNIA oleh UNESCO.Akan tetapi saya berasa sangat bimbang apabila kedengaran bahawa RANCANGAN untuk membina JAMBATAN PULAU PINANG yang kedua mungkin akan dibubarkan kerana persetujuan tidak dapat dicapai antara syarikat pembinaan Negeri China dan syarikat pembinaan Malaysia.Ini adalah dikemukakan oleh Jeff Ooi dari DAP kemarin dan sayaharap maklumat yang Jeff Ooi kemukakan itu tidak benar.

Pembinaan Jambatan Pulau Pinang adalah baik bukan untuk orang pulau pinang sahaja ,tetapi untuk semua rakyat Malaysia.

Dengan peningkatan jumlah pelancung ke Pulau Pinang yang dijangkakan berikutan dengan penyenaian George Town& Melaka sebagai bandar WARISAN DUNIA oleh UNESCO, Industri Pelancungan di tempat yang berdekatan dengan PULAU PINANG dan Melaka juga akan berkembang.

Jadi saya berpendapat Pembinaan Jambatan PULAU PINANG mesti dijalankan.Nyatalah Jambatan baru diantara JOHOR BARU dan SINGAPURA yang awak cadangkan sebelum itu adlah satu keperluan kerana lalulintas dijangka bertambah berikutan dengan penyenaian George Town& Melaka sebagai bandar WARISAN DUNIA oleh UNESCO.

Berharap Tun dapat memberi koment tentang hal ini.

Sekian terima kasih

HOHO

By 3abdul on [July 10, 2008 12:33 PM](#)

Salam TDM yg dikasihi

Semakin hari semakin takut bila lihat apa yg akan dihadapi oleh negara kita. Bolehkah di harap akar umbi ahli umno mampu merubah kepemimpinan pd Disember nt. Ingin rasanya mencadang cwg dan bhg umno agar mencadangkan TDM utk jawatan Presiden UMNO sekali lg. Biar pun utk sepenggal agar dapat kita perbetulkan keadaan yg meruncing skrg sekali gus menyediakan pengganti yg benar-benar berkaliber. Jika akar umbi UMNO gagal juga dlm memperbetulkan dr dalam, sy harap TDM kembali aktif dlm politik sebelum PRU13 kerana golongan seperti kami sudah x tahu nak undi siapa. Tidak kepada

pembangkok sama sekali tp bencikan kepimpinan Presiden UMNO skrg yg telah berjaya mengembalikan rakyat 10 tahun ke belakang.

Akhirkata salam kasih buat Tun Sekeluarga. Jasamu teramat besar n you are the best PM the country had ever produce. The only Malaysian PM who can made Lee Kuan Yew stand on his toes is you.

Semoga sihat selalu, panjang umur dan sentiasa diberkati ALLAH swt.

Salam.

By carlosjb on [July 10, 2008 12:33 PM](#)

Salam Tun,

Saya merasakan seperti negara ini kepunyaan PakLah..sape saje yang menentang beliau rasanya tak selamat hidup mereka..saya juga merasakan seolah-olah ada satu suara halus membisikkan ke telinga PakLah tentang ape yang harus dan tidak harus beliau lakukan.. tidak lain tidak bukan saya tetap menunding jari ke arah menantu kesayangan beliau KJ..beliau laa perancang segala ape yang berlaku terhadap rakyat dan M'sia hari ini..selagi manusia yang bernama KJ ni ada dibumi bertuah ini..M'sia tidak lagi akan dikagumi dan disegani oleh dunia..ape yang PakLah buat tido tido tido and terus tidor..saya merayu adalah pihak yang bangkit menentang gerak geri KJ and the gang sebelum banyak lagi perkara luar jangkaan yang beliau akan lakukan..janganla sampai negara tercinta ini tergadai..

Semoga TUN sihat-sihat selalu....Amin..

By IGHAZ on [July 10, 2008 12:34 PM](#)

Assalamualaikum, Tun

Apa yang Tun huaraikan memang betul.

Tetapi persoalan nya mengapa pemimpin-pemimpin UMNO yang lain tak berani bersuara menentang habis-habisan kepimpinan sekarang kerana mereka tahu rakyat mahukan perubahan kepimpinan?

Terima kasih.

By [Dr Novandri Hasan Basri](#) on [July 10, 2008 12:35 PM](#)

Assalamualaikum Tun,

Selamat Ulang Tahun ke-83. Semoga dipanjangkan umur dan diberkati kesihatan yang baik.

<http://novandri.blogspot.com>

By [hajiman ibrahim](#) on [July 10, 2008 12:36 PM](#)

Ybgh Tun.

DSAAB ni, kalau kita jengah pada awal dia jadi PM. perkara pertama nya ialah nak membetulkan jentera kerajaan konon, jaga Operator Talipon la, jaga peon, kerani , hingga lah nak perangi rasuah la konon. Itu ke kerja PM ? dengan menteri seramai lebih 2 dozen, ketua polis negara, ketua SU Negara, dan ada banyak ketua negara lain, yang dia sibuk nak jaga Talipon Operator ? apa punya mentaliti ni.

Ni dia sibuk nak jaga blogger, apa kerja menteri penerangan, ketua polis negara, peguam negara DLL, mereka semua dah x mampu ke ? Dah lama rakyat terbanyak tahu

kelemahan dan pembohongan DSAAB, tapi kita rakyat akan hanya bertindak mengikut undang-undang, paling akhir, kami tunggu pilihanraya nanti, tahulah nasib dia.

Tahniah Ybgh Tun.

Senantiasia mendoakan kesejahteraan dan kebahagiaan Tun sekeluarga.

By Tun Jr. on [July 10, 2008 12:39 PM](#)

Salam YBerhormat Tun M.

First of all, would like to wish you 'A Happy 83rd Birthday' May Allah Bless you always Kpd Tun yg telah banyak berjasa kepada Negara & Bangsa. Demi mencipta negara & rakyat yg makmur, my words to you is that I'M WITH YOU demi negara tercinta. tak sanggup lihat negara kita satu hari jadi negara kucar-kacir. TAK MUSTAHIL ini boleh berlaku Tun.

When I say, 'WITH YOU' means that it takes an 'individual' like you to be vocal & most importantly 'never give up' utk mengeluarkan dan membangkitkan isu-isu penting demi kesejahteraan rakyat!

Tun, saya bukan sekadar memuji Tun yg bukan-bukan neither being your 'APOLOGIST'. but sekadar menyuarakan apa yg dirasa.

My perception of you is that you are the 'PEJUANG' sebenar. Dan sebelum nasi menjadi bubur, elok lah kita bermati-matian berjuang.

Tun & 'www.chedet.com' is the platform now. The keyword here is, berjuang berhabis-habisan lah kita semua (orang Mahathir), but the ultimate result is, RAKYAT Malaysia merupakan penentu majunya negara. Kalau penyudahnya negara mundur, rakyat Malaysialah yg 'BANGANG & BUTA' kerana tak pandai menilai. Semuanya budaya 'kaki ampu', tahu nak meminta ja selamanya, tapi bila disuruh 'menilai' sesuatu kepimpinan, semua ikut dengar cakap kawan.

Itu ha, separuh menteri-menteri dlm kabinet, kita yg mengundi BN, yg senang kunci-kunci dia! Ini cakap, taklah kepada semua menteri-menteri tu, tapi adalah! maklum sajalalah! -

Tun, my admiration of your leadership is CERTAIN. I'm with you! May Allah panjangkan umur Tun dan kesihatan yg baik!

By PEJA on [July 10, 2008 12:40 PM](#)

YABhg Tun,

Hari ini 10 Julai 08, jam 5 petang bertenpat di Dewan Merdeka akan diadakan pertemuan tertutup diantara Presiden dan Timbalan Presiden UMNO dengan Kepimpinan 4 peringkat UMNO Bahagian.

Saya seperti YABhg Tun, bukanlah ahli nujum tetapi dapat saya ramalkan tepukan yang kuat bagi menunjuk sokongan agar jawatan Presiden dan Timbalan Presiden Parti tidak ditandingi di pemilihan parti penghujung tahun ini.

Tepukan ini akan dibuat oleh majoritinya dikalangan yang tidak bersetuju dengan kepimpinan Presiden Parti.

Perkara ini amat merisau dan merunsingkan saya. Peluang untuk UMNO kembali memenangi hati Orang Melayu akan terhapus jika ini terus berlaku. Ianya adalah sikap hipokripsi tahap tertinggi dan menunjukkan sifat tidak bertanggungjawab pemimpin-pemimpin akar umbi UMNO.

Kita semua harus bangkit dan lakukan sesuatu yang proaktif bagi mengingatkan pemimpin-pemimpin akar umbi ini. Kekalahan UMNO adalah kekalahan mereka dan kejatuhan UMNO merupakan kejatuhan mereka juga.

Katakan kepada mereka bahawa kita menolak kepimpinan Pak Lah dan kita mahu mereka menurut kata majoriti ini. Tekanan harus datang dari bawah bukan dari atas. Jika kita gagal lakukan ini, kita juga telah bertanggungjawab terhadap kejatuhan bangsa kita.

Pemilihan Presiden Parti hendaklah mengikut kehendak majoriti ahli-ahli UMNO bukan 900 orang yang mewakili 3.4 juta ahli. Namun ahli-ahli yang ramai ini mesti memastikan agar suara mereka didengari.

Ampun Dan Maaf.

PEJA

PEMANGKU KETUA PEMUDA UMNO BAHAGIAN IPOH BARAT

By gohhoehoe  on [July 10, 2008 12:40 PM](#)

Selamat Sejahtera TUN

Apakah kritikan dalam internet dan SMS (sistem pesanan mesej ringkas) semuanya pembohongan?

Jawapan nya ialah bukan lah semuanya yang membinasakan ada juga

yang membinakan. Tetapi kita tidak boleh percaya semua yang

kita baca. Saya bukan penyokong parti pembangkang adakala saya

juga bersetuju dengan pendapat mereka jika cadangan adalah sesuatu

yang membina. Misalnya hal tentang pembinaan Jambatan Pulau Pinang yang kedua.

Pada pendapat saya bumi yang bertuah ini yang dulunya dikenali sebagai semenanjung emas ,memang kaya dengan pelbagai sumber,sumber galian,sumber asli,kebudayaan , kemanusiaan ,permandangan dan sebagainya.

Peindustrian pelancungan jika dilancarkan secara rapi akan membawa pendapatan yang lumayan kepada negara kita. Pembinaan Infrastuctur seperti Lapangan Terbang antarabangsa Sepang KL , North South Highway telah memberi kesan yang baik untuk peindustrian pelancungan.

Sungguh gembira saya sebagai anak PULAU PINAG apabila saya dimaklumkan bahawa GeorgeTown dan Bandar Melaka disenaraikan sebagai BANDAR WARISAN DUNIA oleh UNESCO.Akan tetapi saya berasa sangat bimbang apabila kedengaran bahawa RANCANGAN untuk membina JAMBATAN PULAU PINANG yang kedua mungkin akan dibubarkan kerana persetujuan tidak dapat dicapai antara syarikat pembinaan Negeri China dan syarikat pembinaan Malaysia.Ini adalah dikemukakan oleh Jeff Ooi dari DAP kemarin dan sayaharap maklumat yang Jeff Ooi kemukakan itu tidak benar.

Pembinaan Jambatan Pulau Pinang adalah baik bukan untuk orang pulau pinang sahaja ,tetapi untuk semua rakyat Malaysia.

Dengan peningkatan jumlah pelancung ke Pulau Pinang yang dijangkakan berikutan dengan penyenaian George Town& Melaka

sebagai bandar WARISAN DUNIA oleh UNESCO, Industri Pelancungan di tempat yang berdekatan dengan PULAU PINANG dan Melaka juga akan berkembang.

Jadi saya berpendapat Pembinaan Jambatan PULAU PINANG mesti dijalankan. Nyatalah Jambatan baru diantara JOHOR BARU dan SINGAPURA yang TUN cadangkan sebelum itu adlah satu keperluan kerana Lalulintas dijangka bertambah berikutan dengan penyenaiaan George Town & Melaka sebagai bandar WARISAN DUNIA oleh UNESCO.

Berharap Tun dapat memberi koment tentang hal ini.

Sekian terima kasih

HOHO

By cendanadewi on [July 10, 2008 12:40 PM](#)

Happy birthday Tun. Many happy returns... thanks for your email. i have to say your writings are excellent. membuka mata dan fikiran semua.

By AnthonyLeong on [July 10, 2008 12:40 PM](#)

Salam Tun,

Maklumlah Tun, rasa hati Pak Lah ni dah terdesak dan tak sedap selepas beliau terima banyak kritikan-kritikan oleh KEBANYAKAN rakyat sama ada terhadap beliau sendiri ataupun terhadap 'KERAJAAN PAK LAH, KERAJAAN YANG GAGAL DAN TAK TENTU ARAH'.

Apa yang dia tak suka, akan anggap 'bohong' dan 'fitnah'.

Bila ada komen-komen yang baik terhadap beliau, maka dia akan memuji pulak pengkomen-pengkomen memang baik dan cintakan negara dan kerajaannya.

Nampak inilah caranya Pak Lah menguruskan hal-ehwal negara selain daripada beri 'gula-gula' dan memegang 'rahsia sulit' seseorang supaya semuanya 'dengar' dan 'hormat' kepada beliau dan kerajaannya.

Masa sekarang bila nama 'Pak Lah' kerap disebut, semuanya terasa bosan dan tertanya-tanya bilanya beliau nak berhenti demi kebaikan negara dan rakyat.

Kalau Kerajaan Pak Lah tak boleh dikritik, lebih baik tukar saja terus!!!

By mast on [July 10, 2008 12:40 PM](#)

Selamat Ulangtahun Tahun Tun....  
Semoga panjang umurrrrrrr.....  
Semoga Malaysia selamat sempurna Ulangtahun Tun..

By Pengundi Sulit on [July 10, 2008 12:40 PM](#)

Pada saya, komen dari DSAAB tu komen biasa dari soerang pemimpin kerajaan. Siapa pun yang menjadi PM mungkin akan beri komen yang serupa. Apa yang dikatakan oleh DSAAB itu boleh jadi betul dan boleh jadi tidak betul bergantung kepada isu yang diperkatakan. Kalau sesuatu isu atau perkara itu benar, maka tidak timbul soal fitnah tapi kalau perkara itu tidak betul maka ianya akan jadi fitnah. Oleh itu kita perlu mambuat penilaian terlebih dahulu untuk menentukan kedudukan sesuatu perkara itu bernar atau tidak. Setiap individu tak kira rakyat biasa atau pemimpin, perlu bertanggungjawab terhadap apa yang dilakukan atau diperkatakan.

By [C-bOk](#) on [July 10, 2008 12:40 PM](#)

Ya Tun..,

Saya amat sayangkan negara ini. Saya rasa ramai juga yang begitu termasuk para blogger. Pandangan dan kritikan sebahagian besar daripada mereka adalah kritikan/pandangan yang membina. Tuduhan khianat terhadap mereka adalah tidak masuk akal langsung.

By kemboja on [July 10, 2008 12:41 PM](#)

Very ...Interesting.....!! Must read in loghat Negri 9..... received this through email circulation, origin unknown :

SURAT DARI KARIM GHOMBAU

kepada pak lah... PM paling sey sayang...I lap u

namo sey ni KARIM...pengundi bedaftar DUN CHOMBUNG, PARLIMEN  
ROMBAU...alaaaa tompek si KERY yg abah'eh JAMALUDIN tuuu...tak kona'????  
menantu PAK LAH tu laaaaa...suko bona' sey ngan dio tu...ghaso nk buek menantu lak...

sey nuluh surat ni bukan apo...sajo yor nk ucap'an timo kasih kek pak lah sobab naik'an hargo minyak ari tu..

lopeh ini bilo hargo minyak naik..hargo barang lain pun naik gak laaaa...banggo boto' sey ghaso...mcm duduk kek LAS VEGAS lak...HIDUP PAK LAH!!!!!!!

sey janji ngan pak lah yg sey akan ubah tebiat sey dari makan ikan kumbang yg dah merah menyalo mato'eh & pocah bedorai porut ikan tu pado ikan koring yor...

sey sanggup bekoban untuk UMNO dan bn..  
anak sey yg 7 org tu yg dh boleh buek team futsal tu boleh la bekojo lopeh sekolah buek bantu mak ayah diorang ni haaa...kok tk bekojo pun boleh la jadi mat rompit kek SENAWANG tu...dapek gak la duit sesikit...buleh gak la menoruskan tradisi keluarga sey ni yg nyokong UMNO dan bn

ghaso2 sey ni nk ubahsuai bilik bilik yg ado kek ghumah sey...nk buek tompek bolo ikan & tanam sayur cagho hidroponik (apo binchek'eh ni???) sey tepakso tanam kek dalam bilik sobab sey tingga' kek umah flat...

rebet yg pak lah bagi kek sey memang melampuh2 lobeh'eh dari keperluan sey..

bilo sey congak2.. sey cumo guno 20 sen yor duit minyak moto sehari.. ado la untung 21 sen...bak kato si SAIDA AF6 'ok la tuuuu'

sey tak pakai pon keto... sobab bilo minyak naik hargo.. sey kono jual datsun kotak mancis sey tu.. dapek gak la duit...tokih2 pun ado la hasil'eh..

team futsal sey tu, sey nak suruh eksesais hari2 berjalan kaki tak pun naik beska' poie sekolah...ado la 5 km...dokek yor tuuuuu...  
walaupon gaji sey ni rm 1000..sbona'eh terlobih cukup untuk keluarga sey...

buek permulaan nk ngubah kehidupan sey..  
sey tak akan guno'an gulo bilo buek kopi... tak akan guno'an topung untuk buek kodok

sey nak ganti'an bogheh ngan ubi... tiap hari sey ngan keluarga akan berposo (kecuali pado hari hari yg dilarang beposo)  
sey akan buek minyak masak sendiri  
itu antaro caro sey ngubah caro hidup..  
ade banyak laie caro  
semuo kerano UMNO dan bn...

dan sey mintak bona' pak lah naik'an laie hargo minyak yg ado..  
bukan tu yorrr.. sey mintak bona' naik'an laie hargo tol sobab org sbolah rumah sey nih org pembangkang. ..dio slalu guno highway, biar padan muko dio...tu la...suko bona' nyokong pembangkang. ..PAKATAN RAKYAT konon...palo hayah dio tu...

nnt pak lah buleh la melawat sey dan sedokah pado sey solai kain pelikat bilo dh nak dokek2 pilihanraya nanti...

insyaallah kain pelikat tu sey nk bubuh dlm frame dahtu gantung kek rumah.. tapi jangan lupo lak.. pak lah sain otogeraf yor kek kain tu....

jgn lupo pak lah.. naik'an laie hargo minyak..  
jgn la diturun'an gaji mentori2 tuuu..siannn diorang...kang apo lak anak bini'eh nk mentodarah.. .  
sey totap nyokong pak lah..

akhir kato biar pak lah sonang, janji kami papo kedano.. hidup UMNO, hidup bn..

sekian timo kasih..

ps/ sampai'an salam sey kek si KERY samo PATRICK BADAWI tu yor..tak lupo gak tuan punyo syarikat SCOMI...sapo tah namo'eh...lupo lak...

pocah kaco, pocah golas,  
sudah baco, harap baleh.

By pumen on [July 10, 2008 12:41 PM](#)

Bagus Tun! Bravo sekali! a brilliant response...

By tun det die hard fan on [July 10, 2008 12:41 PM](#)

salam tun..  
saya sgt bersetuju dengan apa yang tun utarakan dalam isu kali ini..semoga tun dipanjangkan umur dan sihat sejahtera sekeluarga..kau lah legenda...

By sktan on [July 10, 2008 12:42 PM](#)

Dearest Ayahanda Tun, 'SELAMAT HARI JADI'. SEMOGO ALLAH SELALUNYA BERSAMA AYAHANDA, MELINDUNG SRETA MEMBERI KEKUATAN KEPADA AYAHANDA. YOU EARNED IT, AND EARNED IT YOU REALLY DO. This is what we called repect. LONGLIVE TUN.

To day someone else earned some titles too, in my eyes : PENGHIANAT DAN PEMBOHONG. What? TREACHERY? WHO? sampai marah kat kita bloggers? dan mengeluarkan amaran? Please lah, if you are not happy, do what we want of you, STEP DOWN.

As claimed by you, 'RAKYAT MASIH(you said MASIH)Sokong kita' you mean now or GE12? Yes I amit I made a mistake voting you than. Now Sorrylah. You are a BLUNDER too. DOOOOOOOLLLLLL - LLAAAHHH.

Once again Ayahanda Tun, May God Blessed You With All The Best.

By rakusman on [July 10, 2008 12:42 PM](#)

Salam buat Tun dan pembaca semua,

1. Selamat hari lahir buat Tun dan keluarga.
2. Saya hairan kenapa kritik dikatakan menghasut? Zaman Tun dulu pun ramai yang kritik Tun tapi tak jadi kudis pun pada Tun. AAB sehingga hari ini TIDAK berani mengariskan secara total apakah plan kerajaan untuk mengatasi kenaikan barang lantaran dari tindakan bodohnya menaikkan minyak secara mendadak. Zaman kita masih bayi pun mula mula menjalar, merangkak dan baru berdiri dan berjalan tapi AAB guna pakai `berlari` tanpa bertanya orang yang sikit arif. Kenapa tak guna akal anakanda Kamal lagi? Dalam memerintah negara keluarga tetap keluarga, yang rakyat pilih kenalah bawa berbincang sama. Kalau dah 5 tahun asyik buat salah je berhentilah AAB. Yang nak naik sebagai pengganti pun bukan orang lain, orang UMNO juga. Inilah manusia bila Tuhan beri kuasa hilang pertimbangan.
3. Kalau tak tahan dikritik lawanlah balik. Bagi idea yang lagi baik dari apa yang orang kritik. Kalau tak ada idea maka berundurlah dengan hormat. Jangan percaya dengan pengampu pengampu yang berada disekeliling AAB. Fakta tetap fakta. Saya sendiri mendengar dan melihat semalam sebagai contoh nyata di dalam pertemuan PM dengan orang UMNO ada pemimpin mengaku sebagai HULUBALANG kepada AAB di dalam ucapannya. Wow berani sungguh manusia sekarang mengampu demi kuasa.
4. Apakah erti kianat sebenarnya? Kalau tak sehaluan pendapat adakah kianat juga? Kena kritik pedas juga kianat kah? Kena bongkar rahsia diri dan keluarga yang mengaut hasil negara kianat kah? Adakah kami yang turut sama sebagai pengkianat kerana meluahkan rasa tak puas hati di laman blog Tun ini? Kalau AAB berani cuba bagi tahu kami siapa yang dimaksudkan pengkianat sebenarnya????

salam semua.

By amirul  on [July 10, 2008 12:42 PM](#)

Salam Tun dan blogger's sekalian,

Kalau semuanya fitnah dan pembohongan, apa yang betulnye? Tak kan kerajaan flip flop dia tu betul kot? Sedarlah pak bodowi! Bangkit dari tidur! Seronok tidur lagi ke? Setiap hari saya perlu memikirkan bagaimana nak cari duit lebih. Hang tau apa? Cakap pun tak serupa bikin. hari ini cakap lagu ni besok dah lain dah. Hang boleh la gaji puluh ribu bulan, tambah plak dapat elaun minyak lah, elaun parking la, elaun api/air la. berbagai-bagai elaun! boleh la senang cakap suruh rakyat ubah cara hidup! Nak ubah lagu mana tu? Habaq mai skit! Cubalah hang makan gaji macam aku 2300/bulan tak dak elaun apa pun. gaji tu lah nak beli minyak, makan, api/air, tol, rumah dan segala-galanya. untuk simpanan 0, kecemasan? fikirilah sendiri! Balik-balik citer ubah gaya hidup! Ubah kepala hotak hang dulu!

Hang tu bukannya tak tau yang rakyat jelata dah muak + jelek tengok cara hang tadbir negara. Ataupun hang saja buat tak tau? Kalau hang tak sedar diri jugak? Bersiap sedialah untuk berbungkus pada PRU13 nanti. Hang tu penipu besaq! boleh kata rakyat bagi mandat besaq untuk bentuk kerajaan. Sebenarnya hang silap brother! sepatutnya kata kroni bagi mandat!

Tun, saya minta maaf terpaksa melepaskan geram saya disini. Ini kerana semakin hari semakin tension memikirkan soal kewangan. dengan gaji 2300/bulan apa yang boleh saya lakukan? sebahagian besarnya bayar hutang saja. tiada untuk simpanan kecemasan dan sebagainya. apatah lagi untuk membeli/join apa2 program untuk meningkatkan ekonomi keluarga?

Apapun harap tun jaga kesihatan dan teruskan perjuangan. Kita perlu perang habis-habisan sehingga pak bodowi yang lena tidur tu turun!

sekian.  
amirul

By anakmelayu on [July 10, 2008 12:43 PM](#)

Salam Tun,

Selamat Hari Lahir semoga Tun akan sihat sentiasa. Dalam senario politik sekarang ini kami memerlukan Tun untuk memberi kami kekuatan semangat untuk mempertahankan negara yang tercinta ini.

You have the leaders thinking genuinely for his country. Unluckily we cant find one to replace you...

By SwitchBlade on [July 10, 2008 12:43 PM](#)

Assalamualaikum Ayahanda Tun..

Sekarang rakyat jelata pulak di tuduh mengkhianat kerajaan.. Kerana bersekongkol dengan Tun.. Saya dah berulang kali menonton klip video semasa Anwar Ibrahim dengan refomasinya.. Dahsyat juga pemandangan suasana politik Malaysia masa tu.. Apa mereka (kerajaan)sekarang ini nak sangat ke tengok benda tu berulang kembali.. Tapi mereka juga tahu bahawa kami penyokong yang pro Tun Mahathir tak akan buat macam tu.. Itu pun bergantung sejauh mana mereka boleh terima asakan dari Tun dan penyokong aliran Mahathirisme.. Mintak tolong sangat-sangat la jangan di ganggu Tun segelum ada yang mengamuk.. Kalau andainya tertubuh parti baru dari Tun, impak yang besar akan terjadi dalam sejarah negara.. UMNO mungkin tinggal sejarah seperti kekuatan Empayar Melaka satu ketika dahulu.. Yang tinggal hanyalah kenangan..

Kepada Dewan Bahasa Dan Pustaka, tak payah lah masukkan nama Pak Lah dalam buku teks sejarah Negara.. Buat malu cucu cicit keturunan je nak cerita pasal Pak Lah.. Seorang Perdana Menteri yang tak ada hati perut, pekak, buta dan tuli.. Sekejap-kejap Hitler tak sampai bunuh bangsa sendiri.. Cuba tengok la sikit statistik jenayah kat Malaysia ni.. Dah makin meningkat sama macam harga minyak dan lain-lain barangan keperluan yang meningkat naik.. Hari-hari cerita pasal nak tambah anggota Polis.. Mahkamah Syariah pulak penuh dengan fail kes penceraian yang meningkat akibat tekanan hidup terutama dari kalangan ketua keluarga sahaja yang berkerja..

Ayahanda Tun.. Apakah yang perlu kami lakukan.. Kami rasa macam dilabel pengecut je.. "Bloggers boleh buat apa kat kita, ayah.. Dalam blog boleh la.. Kerajaan dan perlembagaan kan ada dalam gengaman kita.. Kita lah yang menentukan segalanya.." kata K.J pada bapa mertuanya.. Jawab Pak Lah "Tapi ko kena ingat, Che Det tu macam Danny Ocean (George Clooney) dalam Ocean 11,12,13.. Sekelip mata je dia boleh ghaibkan duit dan harta kita tanpa kita sedar.. Kan dia gak yang kumpul harta tu untuk Malaysia dan bangsa melayu(umno).. Kita pulak pegi Day-light robbery harta yang dah terkumpul dan yang tak habis kumpul lagi tu semua.. Berhati-hatilah dengan Danny Ocean bersama 3 million pengikutnya.. Dapatkah Casino Royale tingkat 4 ko tu halang geng depa....

Untuk Ayahanda Tun... You're the best we ever had.. May Allah bless u every second in life..

By leman22 on [July 10, 2008 12:43 PM](#)

YDH TUN

"I have not failed. I've just found 10,000 ways that won't work."

SELAMAT HARI LAHIR SEMUGA DIBERI KEKUATAN DAN DILINDUNGI ALLAH JUA

Thank.

By cempaka on [July 10, 2008 12:44 PM](#)

Tun,  
Selamat Hari Ulangtahun kelahiran. Semoga Tun dipanjangkan usia dan sihat walafiat agar sentiasa dapat memberikan buah fikiran tun yang amat berharga bagi kami generasi muda.

Salam.

By teekay on [July 10, 2008 12:45 PM](#)

Assalamualaikum Y Bhg. Tun...

Saya amat benci dengan pak Lah sejak dia mula2 memimpin negara. Terutama apabila dia cuba menunjuk2 seolah2 dia sorang je yang pandai jadi imam....mula lah dia tunjuk, jadi imam sana, jadi imam sini... dan saya mula berfikir ketika itu....pemimpin yang suka menunjuk2 dia baik...sememang tidak ikhlas...dan kini telah terbukti semua penipuan itu..bukan sahaja Pak Lah tipu rakyat malaysia...malah Allah pun dia sanggup TIPU....Pergh....dahsyat betul kuasa pak lah.

Kita lihat sahaja, Presiden dan Timb. Presiden MCA pun dah tak nak memimpin MCA sebab Pak Lah yang goblok.... apa jadi kepada ahli2 MCA? mungkin akan bertambah ramai ahli2 MCA yang masuk DAP.....

MIC pulak bercekau sesama sendiri... macam mana ahli2 MIC? Lebih baik dia masuk PKR?

Ini semua gara-gara sape? Kalau bukan pak Lah dan menantunya?

Sewajarnya...Pak Lah dan Menantunya serta Anak Sulungnya di hapuskan dari BUMI MALAYSIA sebelum perkara yang lebih dahsyat berlaku.....

By normanhafizi on [July 10, 2008 12:47 PM](#)

Salam, Yang Berbahagia Tun.

Saya pun tak tahu nak komen apa ttg isu ini. Sbb pd saya, kalau betul Pak Lah risau ttg khabar fitnah melalui internet ataupun sms, sepatutnya, beliau perlu risau dengan keadaan ini sebelum lagi PRU 12. Jika keadaan seperti itu amat dirisaukan olehnya pada masa kini, ia sudah pun lewat. Sbb rakyat Malaysia sudah pun buka mata dan minda melalui penguasaan blog yang aktif bagaikan cendawan tumbuh selepas hujan. Kesenambungan blog-blog yang aktif seperti ini lebih terjamin dan dapat bertahan sekiranya para bloggers dapat menyatakan segala fakta dengan tepat dan jelas. Sekarang, terbukti benar kerana blog di internet menjadi sumber rujukan utama berkaitan dengan isu semasa dan juga permasalahan yang timbul di kalangan rakyat keseluruhannya.

Saya masih lagi ingat, semasa saya masih di bangku sekolah pada tahun 1997. Pada masa itu, saya berada di dalam Tingkatan 3. Dan pada masa itu juga, Kerajaan Malaysia, di bawah pimpinan Tun sendiri, melancarkan projek mega Koridor Raya Multimedia (MSC). Memetik ucapan Tun satu ketika dahulu, di mana sebelum wujudnya internet dan celik IT di Malaysia, Tun sendiri ada menyatakan dalam ucapan Tun. Akan sampai satu masa di kemudian hari, di mana, setiap orang atau rakyat di mana-mana negara sekalipun, akan mudah memperoleh maklumat dengan hanya duduk di dalam rumah. Saya masih lagi ragu-ragu dengan 'statement' itu pada masa itu. Kini, apabila umur saya sudah menjangkau 26 tahun, saya barulah faham akan kenyataan tersebut. Ternyata ianya benar.

Akhir sekali, sekiranya Kerajaan Malaysia di bawah pimpinan Pak Lah adalah telus dan jujur, kenapa perlu di risaukan berkenaan dengan isu Fitnah internet dan sms? Tunjukkan ketelusan, dan yakinkan rakyat. Barulah anda akan dapat sokongan penuh dari seluruh rakyat Malaysia.

salam...

By monyet\_pp on [July 10, 2008 12:49 PM](#)

Salam sejatera Tun,

Selama saya baca chedet blog, saya agal sedih dan kecewa kerana sebagai seorg bekas perdana menteri Tun sepatutnya paham bahwa mayarakat bukan melayu di mesia ini mana ada cabar keistimewaan org melayu yang tersedia temaktub di perlembagan mesia.

Kalah 2/3 pertiga BN dlm pilihan raya bukan kerana org bukan melayu berpaling tadah malahan org melayu juga berpaling tadah.

Tun, sebagai seorg yang berpergalaman dlm hal politik sejak 8hb march 2008, mana ada org bukan melayu yang mencabar keistimewaan org melayu malahan banyak mereka lebih takut apabila pihak alternatif mencipta rekod deny BN 2/3.

Saya harap dan percaya statement Tun bukan bertujuan menghina mana2 masyarakat namun tun perlu paham negara mesia merdeka pun kerana 3 bangsa bukan satu bangsa merdeka di perolehi.

Tun, Sebagai rakyat mesia bukan berketurunan melayu, i am born as malaysian and i will die as malaysian.

Wasalam.

By sktan on [July 10, 2008 12:50 PM](#)

KALAU BETUL BETUL BERANI, CALL FOR SNAP ELECTION 13. AND WE GAURANTEE YOU AND YOUR PRESENT JOKERS WILL LOST ALL YOUR DEPOSITS.  
NO ARGUEMENT PROVED YOUR SAY THROUGH THE BALLOT BOXXXX.

KALAU PENGECUT (satu lagi gelaran pula) LUPAKAN SAJA, PEGANGLAH JAWATAN SAMPAI MATI (forever).

Salam Tun.

By kroolaznizam on [July 10, 2008 12:52 PM](#)

Salam Tok Det...

Ternyata si Bodowee ni pengkhianat negara, termasuklah anak-menantu(hantu) dia...

Saya masih lagi tertanya-tanya,

1. Apakah benar saham TM sebahagiannya dimiliki oleh Singapura?
2. Apakah benar saham Pantai Hospital Group juga sebahagiannya dimiliki oleh Singapura?

3. Apakah benar WPI@Iskandar dibangunkan untuk rakyat Singapura memiliki rumah dan tanah di sana??
4. Apakah benar KJ seorang BERUK?
5. Apakah benar ini semua?
6. Apakah benar Anwar Ibrahim seorang homoseksual??
7. Apakah benar Scomi memperolehi projek dari Petronas, RapidKL dan lain-lain GLC melalui Bodowee
8. Apakah benar MV Agustin dijual kepada proxy KJ aka BERUK dengan nilai 1EURO dan dijual semula dengan nilai berjuta-juta-juta EURO
9. Apakah benar Bodowee kuat tidur?
10. APakah benar dah 3 kali diadakan Konsert Jazz di Seri Perdana? (barulah ada stail layan jazz)
11. Apakah benar Bodowee adalah sumpahan orang minyak dalam cerita P-Ramlee??
12. Apakah benar Bodowee dan KJ aka BERUK takut bini??

Sepanjang 5 tahun ni satu kejadian haram pun saya tak nampak langsung pembangunan yang dicanang oleh si bodowee ni...

Bercakap bukan main pandai, lagak macam orang kaya, berjalan pun macam orang kaya, tidur pun macam orang kaya!! Ceh!! tapi..

HAMPEH!!!

Kaya dengan KURAP!!!!

Masa Johor dilanda banjir, kemana dia si Bodowee "saya perdana menteri" ni pegi??

AUSTRALIA, urusan penting... Ceh!! rupanya dia g naik kapal baru dengan bos Ferrari, sampaikan si Todt ni kata

"Kenangan terindah dia menyambut Krismas dan Tahun Baru adalah belayar dengan si bodowee"

Apa si Todt ni kecik2 tak pernah dapat duit raya ke?

pergghh!! Bodowee memang ada gaya... Apa Pulau Tioman?? tak mainlaa... Langkawi?? Haram tak mau pi....

Bodowee PIII-RAHHHHH!!!!

Salam TokDet, cucu emosional sikit hari ni..

By annat on [July 10, 2008 12:53 PM](#)

Happy Birthday, Tun.

By king of the hell on [July 10, 2008 12:53 PM](#)

HAPPY BIRTHDAY TUN...

p/s:used to be proud son of malaysia during your time....

By mistaken identity on [July 10, 2008 12:54 PM](#)

Salam Tun,

Kalau kita tengok apa-apa gambar la kan, tak kira lah gambar hidup ke, gambar lukisan ke atau apa-apa lagi yang sewaktu dengannya. Kebiasaannya ia akan memberikan kita seribu satu macam cerita bergantung kepada tahap kefahaman artistik ataupun sesetengahnya main balun je.

Tapi bila kita membaca, biasanya tafsiran tak der la jauh sangat menyimpang. Tapi lain la kalau orang lain yang bacakan untuk kita, lepas tu terangkan pulak sikit-sikit apa yang dia paham kat kita. Sesat sangat jadinya tu. Kena pulak tafsiran berterabur. Haru biru jadinya.

Nyudahnya kita pulak mandai-mandai nak menerangkan kat orang lain benda yang kita sendiripun tak boleh nak handle dan tak berapa paham, last-last semuanya pakat bengong, confuse, keliru dengan apa yang berlaku.

Tun, teruskanlah dengan apa yang Tun sedang buat sekarang ni. Sekurang-kurangnya apa yang Tun terangkan itu boleh jugalah diterima akal.

Kalau jenis yang hari ni cakap lain esok buat lain, lusa buat lain tulat cakap lain. Boleh ke kita nak percaya akhirnya.

Tepuk dada tanya selera.

Salam

By damndamndamn on [July 10, 2008 12:55 PM](#)

Dear Tun

Happy Birthday and many happy returns of the day!

On this day, I thank Almighty God for giving the people in my generation the best statesman in the world. To those who love him, awed by him and draw strength from him, he is our greatest leader!

WE LUV U TUN

By akulaini on [July 10, 2008 12:55 PM](#)

Salam Dear Tun,

Why cant I find no mistake at all in your facts and writings. Is that means that you are the truth and nothing but the truth? And even may be definately not, but you are the best and the right person to voice things out, becoz you have proven the success story for Malaysia. I live abroad and it is ashamed to declare that I am a Malaysian who has a 'sleeping PM'. I just can pray that he will wake up one day from his sweet dreams, n realise that he has been thrown away fr his 'throne'.haha...

By straycat's strut on [July 10, 2008 12:56 PM](#)

You said it.

This guy is really out of touch. He is so detached from the reality and the feelings of people on the street. This guy is really hopeless and I got upset stomach whenever he opened his mouth.

For God's sake, I dont think he even know how much we hate him as a person. We dont hate Malaysia. We hate HIM! He is not Malaysia. In fact, he is like a curse, a disease to Malaysia. He either took or destroyed everything Malaysia. No contribution. None. Zilch.

Come on, other then his cronies, who else did better then they were 5 years ago when he took over from Tun. Empty promises and those stupid corridors would not bring any food to our tables. Yes, he did made Singapore, Scomi, and US happy but try and ask them to have him as their pm/ceo/president. I bet they would rather have dumbo because atleast dumbo does not have a monkey as a SIL. Who wouldnt be happy to have dumbo as an enemy anyway?

Honestly, with his performance thus far, I dont even think that Kamaluddin will take him as a despatch boy at Scomi.

Sorry Tun, I am having an upset stomach.

By husins on [July 10, 2008 12:56 PM](#)

Salam hormat Tun,

Izin dengan mencelah dan komen apa yg diutarakan oleh PM iaitu "Tindakan menyebarkan fitnah dan pembohongan melalui internet dan SMS untuk mewujudkan persepsi negatif rakyat terhadap Kerajaan adalah perbuatan khianat," - Berita Harian 8 Julai, 2008.

Tun,

Apa yang Tun tulis memang betul. Bak kata pepatah Melayu "Tak ada angin masakan pokok bergoyang". Zaman sekarang adalah zaman internet. PM Malaysia ( bukan PM yang dipilih oleh saya ) sekarang memang ketinggalan kebelakang. Sudahlah malas membaca, malas menganalisis, malas baca internet dan berbagai lagi, itu yang membuatkan beliau semakin lama makin ketinggalan dengan perkembangan semasa. Pemikiran orang yang ingin maju sentiasa pandang ke depan, malangnya PM Malaysia ni jauh ketinggalan ke belakang. Eloklah cepat-cepat berhenti dan berilah orang yang lebih berwibawa memimpin Malaysia ini. Semakin lama beliau dok jadi PM semakin hancurlah Malaysia dibuatnya.

Maaflah cakap Tun, jika saya adalah beliau demi sayangkan negara maka masa pengunduran Tun sbg PM dahulu saya awal-awal lagi dah tolak. Menjadi seorang PM pada saya bukan calang-calang atau semua orang boleh atau mampu memikul tugas yang sangat berat itu. Bagi saya jika ada gred yang boleh diberi bermula 1 paling lemah ke 10 paling baik, saya letakkan PM yang ada ini -1. Maksudnya Malaysia akan bertambah teruk di bawah pemerintahannya. Kalau Tun saya berani bagi 9. Jika 10 adalah Nabi Muhammad s.a.w. Maaf ini pandangan peribadi saja.

Kalau PM yang ada berlatarbelakangkan datuk seorang ulama, itu adalah fakta yg datuknya seorang ulama. Tetapi cucu adalah satu fakta yang beliau bukan seorang ulama tetapi hanya cucu seorang ulama. Kita mesti ingat bahawa "iman seseorang tidak boleh diwarisi kepada anak atau cucu". Bila kita mati ( sbg Islam ) ... kubur asing-asing.

Tun, memang dari hari ke sehari hidup sebagai rakyat Malaysia ini semakin membimbangkan sejak DSAAB memerintah. Tak perlu saya ulas satu persatu kerana umum sedia maklum dengan senario politik yang semakin membosankan ditambah pentadbiran yang terlalu banyak lemah bebanding dengan sedikit baik. Bagi saya PM sekarang ni perlulah turun segera kerana segala idea yang diutarakan oleh PM ini tidak bernas lansung. Saya hairan Tun bagaimana kaki bodek terutama yang duduk dalam UMNO boleh bertahan. Yang dapat jadi menteri tu bolehlah tahan sebab dapat banyak "imbuhan" tetapi ahli UMNO yang lain-lain tu mata saja celik tetapi hati buta. Mereka perlu fikir-fikir la demi generasi akan datang.

PM sekarang ni syok sendiri je. Kalau iman dia kuat saya rasa sudah pasti dia dah berundur tanpa menunggu election akan datang. Jawablah beliau bila dah mati nanti kepada azab Tuhan kerana gagal dalam memimpin dengan sempurna negara tercinta ini.

Kumpullah harta dunia, kelak harta yang tidak bersih itu akan menjadi saksi kemungkaran di akhirat kelak.

Sekian wasalam.

Salam hormat Tun.

By effi  on [July 10, 2008 12:57 PM](#)

**Sebaliknya mereka setia dan sayang Raja dan Negara dan ingin lihat negara ini tidak dibelenggu oleh Kerajaan pimpinan orang yang tidak sedikit pun setia kepada negara, hanya setia kepada diri sendiri dan keluarga.**

Waaa... Tun... WooOORDS ~~~ pedas pedas .. does he read this ?

I'm with you Tun.

By wongkeong on [July 10, 2008 12:58 PM](#)

